

BAB 5

Kritikan Penulis-Penulis yang Menonjol, 1950-1962

Tahun 50-an dan 60-an merupakan masa pertumbuhan Sastera Cina Sarawak. Sebenarnya bilangan penulis dan hasil karya tidak berapa banyak terhasil di Sarawak pada awal tahun 50-an. Keadaan ini berlanjutan sehingga selepas tahun 1956. Oleh sebab munculnya akhbar bersayap kiri, arah sastera telah dikenal pasti, iaitu berasaskan kepada sosialisme dan realisme. Sehubungan itu, muncullah ramai penulis dan bilangan hasil karya turut bertambah. Hasil karya mereka yang berbentuk sajak, fiksyen, prosa dan drama yang kebanyakannya diterbitkan dalam akhbar adalah untuk menyampaikan perasaan, pemikiran serta perjuangan politik mereka. Justeru itu, bab ini akan menumpukan perbincangan tentang penulis pada tahun 50-an dan 60-an dan cuba menganalisis karya mereka mengikut genre sastera.

5.1 Penyajak

Sajak menduduki status yang penting dalam sejarah perkembangan Sastera Cina Sarawak. Penyajak pada tahun 50-an dan 60-an memahami tanggungjawab yang dipikulnya, jadi penyajak telah melahirkan inspirasi masyarakat, negara dan bangsa melalui hasil karya mereka. Walaupun karya ciptaan pada masa itu belum matang, tetapi

para penyajak tetap memainkan peranan yang cergas dalam menyuarakan kehendak rakyat dan mencerminkan latar belakang sesuatu zaman. Penyajak Cina Sarawak pada tahun 50-an dan 60-an secara praktiknya menyertai pergerakan memperjuangkan kedaulatan negara. Untuk membebaskan diri daripada kongkongan penjajah, mereka menggunakan mata pena sebagai senjata untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap sistem penjajahan British serta harapan mereka terhadap kebebasan dan demokrasi. Perasaan seumpama ini disampaikan melalui sajak kepada para pembaca.

Kebanyakan karya ciptaan mereka disiarkan dalam ruangan sambilan dalam akhbar. Koleksi sajak yang didapati ketika itu termasuk *Dunshang de shipian* 盾上的诗篇 (Sajak-Sajak di atas Perisai) (1988) oleh Wu An, *Ziye shichao* 子夜诗抄 (Salinan Sajak pada Larut Malam) oleh Tian Ke (1965), *Yelai fengyu sheng* 夜来风雨声 (Bunyi Hujan dan Angin pada Waktu Malam) oleh Fan Min (1992), *Menghuan ji* 梦幻集 (Koleksi Mimpi) (1965) oleh Ouyang Liu, *Xiangyu zai chufa de qidian* 相遇在出发的起点 (Berjumpa di Titik Permulaan Bertolak) (1994) oleh Tian Ning dan *Kuobie* 阔别 (Perpisahan) (1995) oleh Yu Tian. Selain enam buah koleksi sajak tersebut, terdapat sebilangan besar karya yang tersiar di akhbar. Namun keadaan ini berjaya membentuk suatu aliran tersendiri. Oleh itu, penyajak yang banyak menghasilkan karyanya pada masa 50-an dan 60-an akan dibincangkan seperti berikut:

5.1.1 Wu An

Di Sarawak, Wu An digelar “Penyajak Pinggir Sungai Rejang” (Kata-kata XingYing).¹ Beliau mula menulis sajak pada tahun 1954. Koleksi sajak pertama yang diterbitkan oleh beliau ialah *Dunshang de shipian*. Koleksi sajak ini mempunyai 25 buah sajak kesemuanya. Pada pendahuluan koleksi sajak itu, Xing Ying berkata bahawa bahasa yang digunakan dalam koleksi sajak ini menonjol, segar dan tidak sukar untuk difahami. Oleh itu, perasaan yang dinyatakan dalam sajaknya segar dan menarik, berhati jujur dan terbuka. Kesemua ini merupakan sifat unik koleksi sajak ini.

Pada tahun 50-an, semasa beliau masih di bangku sekolah, dengan perasaan yang tajam, beliau telah berupaya menggambarkan keluh-kesah dalam kehidupan. Beliau menulis tentang kepayahan dan kesengsaraan kehidupan masyarakat kelas bawahan, contohnya seperti dalam sajak “Ziye beige” 子夜悲歌 (Lagu Sedih pada Larut Malam) (S16) dan “Maichang de laoren” 卖唱的老人 (Orang Tua yang Menyara Hidup dengan Menyanyi) (S17). Sajak-sajak yang menyentuh tentang masa pertumbuhan belia dan harapan mereka yang mengejar kebebasan ialah seperti sajak “Chengzhang” 成长 (Permbesaran) (S18) dan “Di yici fei” 第一次飞 (Pertama Kali Menerbang) (S19). Contoh sajak yang menunjukkan tentang pengakuan terhadap rasa cintakan tanah air ialah

1 Lihat “Larang jiang pan de shiren” 拉让江畔的诗人 (Penyajak di Tebing Sungai Rejang), dalam *Dunshang de shipian* oleh Wu An 1988 : 1.

sajak “Zuguo” 祖国 (Tanah Air) (S11), “Nan zhongguo hai” 南中国海 (Laut Cina Selatan) (S20) dan “Xueye” 血液 (Darah) (S21). Contoh sajak tentang keharuan dan kecekalan hati ialah sajak “Ji” 寄 (Mengirim) (S22). Tema sajak-sajak ini menggambarkan seluruh perasaan penyajak. Apa yang terpapar dalam karya ini ialah perasaan simpati, keluh-kesah, sukacita dan semangat yang berkobar-kobar. Penyajak menerapkan segala rupa bentuk dan pengalaman yang ditempuhi dalam kehidupan serta menjadikannya sebagai bahan ciptaannya.

Wu An sendiri berkata bahawa beliau memilih cara ciptaan berdasarkan realisme tradisional (1995c: 20). Wu An amat percaya kepada realisme. Contohnya seperti sajak “Ziye beige” (S16), “Huanghun de shi” 黄昏的诗 (Sajak-sajak pada Waktu Senja kala) (S23) dan “Maichang de laoren” (S17). Sajak-sajak tersebut memaparkan sifat simpati dan mengambil berat tentang soal kemanusiaan serta merealisasikan semangat perikemanusiaan dalam fahaman realisme. Semangat yang diwarisi oleh beliau sebenarnya ialah semangat perjuangan 4 Mei di China, iaitu semangat menentang kegelapan dan penindasan, mengejar kebebasan dan keadilan. Semangat dan pemikiran tersebut telah dijadikan sebagai tema dalam sajaknya. Dalam “Wuan shixuan zhi xu 2” 吴岸诗选之序 2 (Pilihan Sajak Wu An, Prakata 2) (1996: 15), beliau berkata,

Ai Qing 艾青 ialah guru pengasas saya. Beliau menyalakan pucuk api seorang pemuda yang hampir putus asa supaya dia terus menulis sajak. Mulai dari musim luruh 1953 hingga kini, sudah melebihi 40 tahun, api ini masih terus menyala dalam hati.

Fang Xiu (1991: 17) pernah mengatakan jika pandangan Wu An terhadap sajak ditulis menjadi buku, maka buku itu merupakan koleksi sajak tempatan Ai Qing. Penghormatan Wu An terhadap Ai Qing memang jelas menunjukkan bahawa gaya sajak Wu An dipengaruhi olehnya. Beliau bukan sahaja menghormati Ai Qing, tetapi juga sangat menyanjung tinggi semangat Guo Morou dan Lu Xun. Dalam sajak “Rongyu ” 荣誉 (Kebanggaan) beliau berkata,

Apabila matahari di langit menyalakan sinaran yang ideal
Di sini, tanah yang dipisahkan oleh gunung-ganang dan lautan
Berkali-kali kami menyeru nama orang itu
Adakah umur kau sekarang sudah 21……kebetulan
Kami tetap merindui
Seorang tua yang meninggal dunia semasa kamu dilahirkan
Mengingati jasa-jasanya
Berhadapan dengan misainya yang nampaknya tegas dan tipikal (S24)

Kisah orang tua itu telah memberi galakan kepada ribuan pemuda di seberang laut dan telah memberi rangsangan perasaan kepada penulis untuk mencipta sajak. Hanya karya yang dicipta ketika hati membara, baru dapat mengharukan hati orang. Sebagai contoh sajak “Ji” (S22) yang dicipta olehnya semasa beliau dijangkiti penyakit, jelas menunjukkan keazamannya ingin terus hidup, keinginan memperjuangkan kemerdekaan

negara dan membebaskan tanah air. Dengan hati membara dan keazaman tinggi, beliau sedia berhadapan dengan nasib bangsa dan negara. Kedua-dua sajak “Zuguo” (S11) dan “Xueyi” (S21) menunjukkan bahawa konsepnya tentang tanah air adalah jelas. Dalam “Shiren yu shehui” 诗人与社会 (Penyajak dan Masyarakat) beliau (1991b: 26) berkata,

Selain terlibat dalam usaha mencipta sejarah pada masa akan datang, penyajak juga perlu mengambil berat tentang masa depan nasib bangsa dan negaranya. Mereka sepatutnya menjadi saksi dalam sejarah dan zaman. Untuk membolehkan hasrat ini tercapai, penyajak mesti menceburkan diri dalam kegiatan sosial.

Penyajak sebenarnya telah secara praktis menceburkan diri dalam kegiatan kesusasteraan dan gerakan masyarakat atas keinginannya mengejar kebebasan. Beliau menganggap masa depan bangsa dan negara tanggungjawabnya. Karyanya “Sige penquan” 四个喷泉 (Empat Mata Air) menyatakan isi hatinya yang penuh dengan keharuan:

Lihat, air mata telah habis mencuci harapanmu

Kau cintakan harapan mu, maka simpanlah air matamu

Kegembiraan pada masa akan datang menyeru

Air mata itu satu tanda pengecut

Ia memutuskan jalan ke kebahagiaan (S25)

Sajak ini merupakan satu sumpah untuk menghilangkan segala kesedihan bagi mengejar impian. Penyajak berperasaan begini kerana mengidamkan kebebasan. Dalam sajaknya “Di yici fei” beliau berkata,

Tidak kira gunung atau lautan
Di langit tanah air yang tinggi
Kembangkan kepak emas kamu
Lagu kebebasan saya (S19)

Penyajak mengibaratkan diri sendiri sebagai seekor burung helang yang berani yang telah dikejutkan daripada tidur dan terbang di atas langit biru. Disebabkan keinginan mengejar kebebasan yang unggul, sajaknya membawa terlalu banyak tanggungjawab dan cita-cita tinggi. Dalam “Dunshang de shipian” beliau berkata,

Tulislah, penyajak, di atas perisai purba ini
Menambah corak perjuangan zaman baru
Tulislah, penyajak, di atas tanah air ini
Menulis sajak-sajak yang indah dan bernyawa (S26)

Menerusi hasil ciptaannya, penyajak cuba menulis tentang cita-cita perjuangan dan perasaan sedihnya.

Dalam “Zuguo” beliau berkata, “Tanah air mu pernah menjadi syurga dalam mimpi saya.” (S11) Tanah air (China) bukan sahaja merupakan syurga dalam mimpi penyajak, tanah air ini juga merupakan syurga bagi berjuta-juta belia di seberang laut. Perasaan mendalam dan perasaan pengakuan mereka terhadap kebudayaan Cina memang tidak dapat dimusnahkan. Sebagai seorang penyajak yang bersenandung mengenai bukit dan sungai, beliau sedar akan statusnya yang sebenar, iaitu “tanah air saya juga sedang menyeru di bawah tapak kaki saya, bukan di seberang laut.” Dengan jelasnya penyajak telah memisahkan tanah air kewarganegaraan dengan tanah air kebudayaannya.

Dalam “Dunshang de shipian, xin banxu” 盾上的诗篇. 新版序 (Sajak-sajak di atas Perisai. Prakata Edisi Baru) beliau berkata bahawa beliau memang menganggap Sarawak sebagai kampung halaman dan berkorban diri untuknya” (Wu An 1988: iii). Beliau telah mencipta sebilangan besar sajak yang berunsur tempatan, seperti “*Shan zhong xing*” 山中行 (Berjalan di Hutan) (S27), “Zai baleli” 在峇里 (Di Baleli) (S28), “Qiang yu men” 墙与门 (Dinding dan Pintu) (S29), “Laut China Selatan” (S20), dan “Zai gaoshan zhiling” 在高山之岭 (Di Puncak Gunung Tinggi) (S30). Sajak-sajak tersebut menyentuh tentang aktiviti kehidupan orang asli, perpaduan, pokok kelapa dan pokok pisang tempatan, tanah pamah yang meluas, lautan dan hutan yang memaparkan unsur kekampungan dan sifat keunikan kaum.

Wu An mula menulis sajak pada umur 17 tahun. Pengalaman beliau yang istimewa pada tahun 50-an menjadikan beliau seorang penyajak yang cintakan kampung

halaman. Berasaskan pandangan penciptaan sajak yang berunsur realisme, beliau telah membentuk suatu tradisi sajak tempatan di Sarawak.

5.1.2 Tian Ke

Ziye beige ialah koleksi sajak pertama Tian Ke. Menurut beliau, koleksi ini diberikan nama sedemikian kerana beliau bertabiat tidur lewat dan kebanyakan sajaknya disempurnakan pada waktu tengah malam. Kata beliau (1965: 74),

Pada tengah malam yang gelap-gelita, betapa besar harapannya orang ramai menunggu ketibaan waktu subuh.

Mungkin inilah makna tersirat yang sebenarnya. Pada masa itu pihak penerbit pernah memperkenalkan isi kandungan karya Tian Ke (1965: 1),

Dengan semangat yang berkobar-kobar dan dengan menggunakan gaya penulisannya yang tersendiri, beliau telah menggambarkan keindahan gunung-gunang dan sungai serta alam sekitar, menyanjung tinggi rakyat yang disayangi, mencerminkan beberapa peristiwa semasa dan cuba sedaya upaya menyeru supaya dapat membangkitkan orang ramai yang masih tidur lena.

Sebenarnya apa yang hendak dimaksudkan oleh Tian Ke bukan setakat itu sahaja. Tian Ke (1965: 1) pernah berkata, “Di sini terdapat terlalu banyak kenangan yang menunjukkan perasaan gelisah.” Perasaan gelisah hampir memenuhi seluruh sajaknya. Contohnya:

Seorang pengembara yang gelisah

Kini menaburkan benih harapan (S31)

Walaupun kelelahan telah mula menguasai kita

Demi suatu cita-cita yang tinggi dan satu matlamat

Kita perlu berganjak dari kesengsaraan (S32)

Tetapi aku yang datang bersama kedukaan dan kegelisahan

Membawa bersama perasaan bimbang dan kesepian kerana tanah ini

Oh! lautan, saat ini aku mendengar kebisinganmu

Biar angin laut meniupkan kesedihan yang selamanya menyelubungi saya (S33)

Siapa kata kenangan pahit tidak dapat dilupakan

Angin bulan Oktober kini telah bertiup di merata tempat (S34)

Kehidupan itu merupakan becak yang kotor

Menimbuskan kegembiraan dan kesedihan remaja (S35)

Oh, tanah! Keberatan saya memanggil namamu

Perasaan saya kadang-kadang gembira dan kadang-kadang kesunyian (S15)

Tanah lapang pada bulan September adalah sepi

Seperti hati seorang tua yang kesunyian... (S36)

Lampu tepi jalan menonjolkan bayang keseorangan

Yang sepi itu ialah jejak kaki pengembara (S37)

Perasaan kecewa, susah, letih, dan sepi telah menjadi nada asas dalam sajaknya, dan menjadikannya sebuah sajak yang kelat. Walaupun berasa bimbang dan kelat, tetapi penyajak tidak pernah berputus asa. Beliau percaya “Esok akan lebih cerah lagi” (S33). Nyatalah sekali bahawa walaupun beliau berasa gelisah tetapi masih bersemangat untuk menghadapi cabaran hidup.

Perasaan kecewa yang dialami penulis sebenarnya juga dialami oleh kebanyakan pemuda dan pemudi pada masa itu. Melalui gaya penyampaian sastera yang tersendiri, penyajak dapat menggambarkan isi hati sendiri serta kesepian dalam pengembaraan. Kegelisahan penyajak itu mungkin disebabkan bertahun-tahun mengembara dan daripada pengembaraan individu barulah beliau sedar akan sebab-musabab pengembaraan seluruh kaumnya.

Sebagai ahli zaman itu, hati penyajak secara mendalam telah dipengaruhi oleh pengalaman pengembaraan dan jelaslah bahawa ini telah mewujudkan gaya yang berasaskan kegelisahan.

Orang Cina yang berhijrah ke Selatan dahulu hanyalah untuk menghindarkan diri daripada kebuluran dan kacau-bilau peperangan yang berlaku di negara asal mereka.

Tindakan mereka ini menyebabkan mereka menanggung perasaan rindu yang mendalam terhadap kampung halaman, kehidupan yang tidak tentu hala dan konflik emosi antara kegelisahan dan harapan.

5.1.3 Tian Ning

Tian Ning ialah penyajak pada pertengahan tahun 50-an. Wu An menulis pendahuluan bagi koleksi sajaknya yang bertajuk “Buqi eryu de xiyue” 不期而遇的喜悦 (Kegembiraan yang Dibawa Oleh Pertemuan yang Tidak Disangka) (Wu An 1994a Tidak tercatat muka surat) berkata,

Sajak Tian Ning mencatatkan perasaan tentang pengalaman kehidupannya zaman itu. Oleh sebab apa yang ditulisnya adalah tentang pengalaman hidupnya yang sebenar, perasaan yang dicerminkan dalam sajaknya adalah ikhlas, tidak berpura-pura atau bersifat palsu.

Penulisan menyatakan bahawa perasaan individu dalam kehidupan merupakan ciri istimewa pada zaman itu, tetapi kehidupan individu digambarkan dengan penuh bermakna, iaitu disertakan dengan kepayahan dan kemiskinan yang dialami oleh orang ramai, perasaan cintakan tanah air dan kemarahan terhadap ketidakadilan dalam masyarakat. Contohnya seperti sajak “Caixie” 采撷 (Memetik) (S39), “Nage nongren buai zhuang jia” 那个农人不爱庄稼 (Petani Mana yang Tidak Menyayangi Tanamannya?) (S40) yang menggambarkan kegembiraan kaum petani mendapatkan hasil yang lumayan dan juga kesusahan golongan pekerja serta rasa simpati penyajak terhadap mereka. Sajak

“Qigai” 乞丐 (Pengemis) (S41) pula menggambarkan seorang pengemis yang miskin, dan dengan itu penyajak mengecam segolongan anggota masyarakat yang mementingkan diri. Beliau juga cuba menegakkan keadilan dan menghulurkan simpati kepada mereka yang tertindas. “Changwu” 长屋 (Rumah Panjang) merupakan sebuah sajak panjang yang memaparkan kebudayaan rumah panjang yang kehilangan arahnya selepas dipengaruhi oleh tamadun Barat.

Tamadun angkuh negara asing

Membaluti badan gadis yang semula jadi cantik dan sihat

Bahasa Barat yang mementingkan tatabahasa

Memecah bahasa orang Dayak yang asli

Penyebar agama yang kepalanya menjunjung cahaya yang keramat

Membawa kepercayaan tulen agama

Gendang dan gong besar di rumah panjang

Beransur-ansur lumpuh kerana terlalu sedih dan marah

Setelah kedatangan pendatang yang berambut emas dan bermata biru

Orang Dayak dengan cepat meninggalkan sumpitan sebagai lambang hidup mereka ...

Sejak itu, setiap orang Dayak berdahi leper dan berhidung sepet

Yang tinggalnya kemiskinan dan kemunduran yang berpanjangan! (S42)

Dalam sajak itu penyajak mengkritik sekuat-kuatnya tentang pengaruh buruk yang dibawa oleh tamadun Barat. Kemasukan tamadun Barat pada mulanya adalah untuk membawa perubahan dan pembangunan, tetapi ini bukan hal yang sebenarnya. Dari segi kaca mata penulis, orang Barat ialah pemeras dan penindas. Akhirnya orang tempatan yang miskin tetap miskin, yang mundur tetap mundur.

“Houniao” 候鸟 (Burung Bermusim) (S43) merupakan sebuah sajak Tian Ning yang bermaksud mendalam. Di dalamnya terselit kebimbangan dan kemarahan penyajak.

Saya seekor

Burung musim yang letih

Di waktu senja

Meringkik-ringkik

Memukul-mukul sayap terputih

Tertiarap di atas tanah yang bersemak samun

Tidak mengetahui bahawa

Sendiri diikuti pula

Pemburu yang sudah lama menunggu di sana……(S43)

“Burung Bermusim” dan “Shenye” 深夜 (Larut Malam) (S44) merupakan dua buah sajak pendek dan ringkas yang dihasilkan oleh penyajak. Penutup kedua-dua buah sajak itu dapat merangsang pembaca berfikir secara mendalam terutamanya tentang

perlambangan yang dibawa oleh burung bermusim. Burung bermusim ialah sejenis burung yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Untuk mencari rezeki, burung bermusim terpaksa berpindah mengikut perubahan musim. Penyajak mengumpamakan dirinya sebagai seekor burung bermusim yang hatinya tidak tenteram dan emosinya berada dalam keadaan yang tidak stabil. Malangnya, tragedi yang sebenarnya ialah dalam isi sajak yang seterusnya. Pemburu yang sedang menunggunya di sana ialah musuh sebenarnya. Ini bermakna nasib orang Cina samalah seperti burung bermusim yang terpaksa mengembara di Nanyang dengan harapan dapat mencari kehidupan baru, tetapi akhirnya masih berhadapan dengan penindas yang zalim seperti di negara asalnya. Sajak “Shen ye” (S44) pula jelas menunjukkan sebab-sebab penyajak berasa takut dan gelisah. Kerajaan British merupakan penindas yang paling ditakuti dan dibenci oleh pemuda ketika itu.

Seperti pemuda-pemudi lain yang berperasaan membara, penyajak juga mengambil berat tentang negara dan masyarakat. Oleh itu, di dalam penulisannya selalu disertakan dengan kegelisahan dan kemarahan serta penuh dengan suasana yang muram.

5.1.4 Ouyang Liu

Ouyang Liu ialah seorang penulis yang prolific pada pertengahan tahun 50-an. Kebanyakan hasil karyanya disiarkan di *Qianfeng ribao* 前峰日报 (Akhbar Harian Utusan) dan Akhbar Harian Zhong Hua. Empat belas tahun kemudian, iaitu pada tahun 1965, hasil

karyanya dikumpulkan sebagai koleksi sajak *Menghuan ji* 梦幻集 (Koleksi Mimpi). Xu Jianwu, ketua penyunting Akhbar Harian Zhong Hua, menyifatkan beliau sebagai seorang penyajak yang bersifat lemah lembut dan jujur. Beliau memberi penilaian yang amat tinggi terhadap hasil karya Ouyang Liu. Beliau menganggap

Sajaknya boleh dibandingkan dengan puisi penyair Li Shangyin 李商隐 pada dinasti Tang (618-906), yang bersifat halus dan mengharukan, manakala kehalusan dan kemurniannya dapat dibandingkan dengan penyajak moden Xu Zhimo 徐志摩 (1897-1931). Sajaknya berfalsafah dan bersifat rasional seperti yang ditunjukkan dalam puisi Dinasti Song 宋. Sajaknya juga dibandingkan dengan puisi patriotik Dinasti Song Selatan 南宋 dan zaman penghujung Dinasti Ming 明 (1368-1644) (Xu Jianwu 1965: 3).

Dengan cara penyampaian yang halus, penyajak dapat menunjukkan perasaan yang romantik dan sensitif. Sajaknya menunjukkan perasaan hampa, khayalan, kehairahan, harapan dan sifat kemanusiaan (Xu Jianwu 1965: 4). Lebih-lebih lagi, melalui pembongkaran isi hatinya, penyajak menyatakan sifat kejujurannya.

Kebanyakan karya beliau adalah tentang percintaan, perpisahan, kerinduan, kehampaan dan perasaan menunggu seperti dalam sajak "Sinian" 四年 (Empat Tahun) (S45), "Chongfeng" 重逢 (Berjumpa Lagi) (S46), "Geimei" 给梅 (Kepada Mei) (S47), "Dandan de aichou" 淡淡的哀愁 (Sedikit Kedukaan) (S48), "Qianxi" 前夕 (Malam Sebelum) (S49) dan lain-lain. Perpisahan di antara penyajak dan kekasihnya dari segi sekatan masa dan ruangan telah menambah rasa rindu penyajak. Penyajak terjatuh

dalam kenangannya iaitu mengenang tentang saat-saat kebahagiaan masa lalu. Misalnya dalam sajak “Sinian” :

Apabila aku teringat masa empat tahun dahulu
Saya berduka kerana mengingati dan merindui mu
Yang dikesal ialah masa tidak akan dapat diputar balik
Biarlah kami berasmara seperti masa dahulu (S45)

Seperti juga dalam “Dandan de aichou”

Orang yang dikasihi
Sekarang telah melayang jauh
Tertinggal sahaja daun-daun berguguran
Berterbangan di depan tangga
Teringat akan masa hadapan
Samar-samar jauh dan renggang
Mengenang peristiwa dan mimpi-mimpi dahulu
Tidak tertahan lagi air mata berlinang-linang (S48)

Penyajak berasa gelisah kerana percintaan, dan ini merupakan luahan perasaan kasih sayang antara pemuda dan pemudi. Penyajak mengeluh apabila hasratnya tidak dapat dicapai kerana sekatan dari luar. Perasaan seperti ini biasanya ditunjukkan oleh pemuda

pemudi yang sudah saling jatuh cinta. Kini penyajak dikuasai oleh kegelisahan. Rasa cinta telah menjadikan jiwanya begitu terseksa dan satu-satu jalan baginya untuk melepaskan perasaan itu adalah dengan cara menulis sajak. Pada tahun 50-an, karya beliau yang bersifat cinta pernah dikritik kerana sudut pandangan dalam menikmati sesebuah karya telah menjadi sempit.

Selain itu, sajak beliau juga menyatakan falsafah yang mendalam. Contohnya “Woai” 我愛 (Saya Suka):

Saya suka

Duduk berseorangan di bawah pokok-pokok rendang

Dari jauh melihat bintang-bintang di langit

Di sana angin bertiup sepoi-sepoi bahasa pada waktu malam

Saya suka

Berbaring di tepi sungai sesejuk ais

Memikir tentang Kuafu 夸父 dan Jesus Christ pada zaman silam

Sehingga larut malam (S50)

Pada masa yang sunyi, penyajak duduk berseorangan dan merenung, memikir tentang asal-usul manusia. Di sini penyajak tidak menjelaskan sebab-sebab yang mendorongnya berfikir begitu. Walau bagaimana pun, penyajak cuba mencari jawapan daripada Kuafu dan Jesus Christ pada zaman silam. Beliau percaya bahawa segala yang wujud di dunia ini

mempunyai puncanya. Penyajak juga dapat merasa kewujudan sendirinya. Oleh itu, sajaknya menunjukkan ketenangan dan keamanan, seperti dalam sajak “Wuti” 无题 (Tanpa Tajuk) :

Saya budak besar tanpa kecacatan

Dalam masa belasan tahun

Saya pernah melihat perubahan dunia yang tak tentu

Saya pernah nampak air pasang surut

Bunga berkembang dan layu

Mengikut perubahan musim

Purnama silih berganti

Tidak dapat terlepas daripada perubahan masa

Suka dan duka dalam kehidupan

Nasib yang bertuah atau malang

Adakah semua ini patut dirintih, atau menaruh kasihan? (S51)

Tentang kehidupan, penyajak agak percaya kepada takdir. Beliau percaya bahawa alam semula jadi mempunyai peraturannya. Kelahiran, kedewasaan dan kematian segala hidupan tidak dapat dikawal oleh manusia. Oleh itu, kedukaan dan kemiskinan dalam kehidupan bukan hal yang penting. Berasaskan pandangan agama ini, apa yang lebih dikejarkan oleh penyajak ialah ketenteraman hati dan bukan membuat kritikan terhadap

dunia luar. Akibatnya, walaupun penyajak hidup dalam tempoh pergerakan anti penjajahan yang berkobar-kobar pada tahun 50-an, tetapi beliau langsung tidak dipengaruhi. Dari segi pandangan kepercayaan pula, karyanya menunjukkan keamanan, kecerahan dan harapan. Kalau ada kegelisahan pun cepat dapat diselesaikan. Ini menunjukkan sifat semula jadinya yang murah hati dan jujur. Oleh itu, sajaknya bergaya indah dan lemah-lembut.

Pendek kata, pengaruh luar yang diubahsuaikan oleh personaliti dalaman penyajak telah menyebabkan penghasilan sajaknya (Zhou Guansheng 周冠生 1994: 106). Interpretasi Ouyang Liu terhadap maklumat-maklumat zaman adalah berlainan daripada orang lain. Dengan itu gaya sajaknya juga berlainan daripada pengarang-pengarang zaman yang sama.

5.1.5 Yu Tian

Yu Tian ialah seorang penulis yang giat menceburkan diri dalam penulisan karya sastera pada awal tahun 60-an. Seperti kebanyakan pemuda pada masa itu, beliau juga menyanjung kebebasan, contohnya sajak “Ziyou song” 自由颂 (Menyanjung Kebebasan) (S52). Sajaknya juga menyampaikan rasa cinta terhadap negara seperti “Zuguo - keai de shalaoyue” 祖国 - 可爱的砂劳越 (Tanah Air - Sarawak yang Disayangi) (S53). Beliau juga mendukung cita-cita yang tinggi agar tanah airnya dapat mencapai kemerdekaan seperti yang ditunjukkan dalam sajak “Duli zhi sheng” 独立之声 (Suara Kemerdekaan)

(S34). Sajaknya memaparkan sentimen kampung halaman yang kuat. Berasaskan perasaan ini, penyajak menulis tentang rasa cintanya terhadap kampung halaman dan rakyat serta segala yang berlaku di tanah indah yang kaya dengan hasil pertanian ini, seperti:

Melihat mereka menari sambil menyanyi
Irama rancak dan nyanyian yang melayang ke sini
Betapa merdu dan lembut
Menandakan hasil mewah daripada
Penuaian dan kegembiraan (S54)

Penyajak menulis tentang kegembiraan orang-orang Dayak selepas mendapat hasil lumayan daripada penuaian. Menyanyi sambil menari adalah untuk menunjukkan cara mereka bersyukur kepada Tuhan. Penyajak bertujuan menonjolkan perasaan suci rakyat, seperti, “Persahabatan rakyat samalah seperti akar pokok tua yang tumbuh jauh ke bawah tanah” (S55). Daripada perasaan mengambil berat tentang orang Dayak kepada persahabatan antara kaum, beliau tetap percaya bahawa usaha membina rakyat yang bersatu padu dan harmoni dapat dilaksanakan serta boleh berjaya.

Tian Si 田思 menyifatkan sajak Yu Tian sebagai sebuah lagu angan-angan pada zaman yang berkobar-kobar. Walaupun penyajak mempunyai keghairahan dan harapan tinggi, oleh sebab cita-citanya tidak dapat ditunaikan, maka sajaknya juga berbunyi seperti

sebuah lagu yang sedih (1995: 89). Dalam sajak “Kuobie” , beliau menganalisis secara mendalam tentang cita-cita penyajak yang tinggi melangit itu. Penyajak menggunakan daya imajinasinya yang tinggi dan pemikirannya menumpang sayap imajinasi, untuk menempuhi gunung-ganang dan semak-samun, melintasi rumah panjang dan tanah terbiar, akhirnya sampai ke tempat kekasihnya. Sentimen penyajak tidak berhenti di situ sahaja. Sebenarnya kekasih penyajak sedang berkhidmat untuk kaumnya kerana keindahan negaranya (S56). Penyajak mengutamakan hasratnya daripada segala-galanya. Ini merupakan sifat unik penciptaan pada masa itu. Sajak-sajaknya dibina atas fikiran dan perasaan ini, maka isinya juga dapat menunjukkan semangat yang kuat, contohnya,

Melihat Laut Cina Selatan yang meluas, mengulung berjuta-juta ombak yang tinggi melangit yang menyambung ke langit cerah (S56).

Berasaskan fikiran ini, penyajak dapat menyanyikan cita-citanya yang tinggi dalam zamannya.

Selain lima orang penyajak yang tersebut di atas, penyajak-penyajak pada masa itu termasuk Xiao Nan 肖南, Ping Huan 平环, Bai Ling 白玲, Mu Gu 穆谷, Ba Ye 巴耶, Sha Hai, Shuo Feng 朔风, Bai Jin 白金, Ting Jing 汀菁 dan lain-lain lagi. Kesemua karya mereka menunjukkan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan rasa cintakan negara, misalnya “Wu shi shi” oleh Bai Ling (S12) telah menyatakan tugas penulis, iaitu memberi komen terhadap masalah semasa, menggambarkan keadaan masyarakat dan membangkitkan semangat cintakan negara. Sajak “Jing shuo yiju” 敬说一句 (Serangkap

Nasihat) (S57) oleh Sha Miao 沙苗 (Nama pena lain bagi Sha Ye) menasihati orang ramai jangan cuba mendapat simpati daripada penindas, tetapi hendak menunjukkan kemarahannya. Sajak Sha Hai 砂海 “Women de muqin - Shalaoyue” 我们的母亲 - 砂劳越 (Ibunda Kita -- Sarawak), ciptaan selepas menonton persembahan sajak oleh ‘Persatuan Zhong You’ (S58), ialah sebuah sajak panjang. Penyajak dalam sajaknya bertujuan menyampaikan suatu keadaan dan suasana yang hebat dan bergelora.

Xiao Nan yang berasal dari keluarga petani, telah menghasilkan sajak “Mai xue tiao de haizi” 卖雪条的孩子 (Budak yang Menjual AisKrim) (S59) tentang kesengsaraan hidup seorang budak yang menjual ais-krim. Gayanya hampir sama dengan “Gei yiwei malai xiongdi” (Tian Nong 1995: 43) oleh Sha Ye. “Lie” 猎 (Pemburu) (S60), karya Mu Gu, melambangkan pemerintah sebagai pemburu yang menggunakan anjing pemburu yang garang untuk mengejar kambing muda dalam hutan. Penyajak sebagai seorang yang bertanggungjawab cuba membangkitkan kesedaran orang ramai. Oleh itu, pembayangan realiti politik dan semangat mempertahankan rakyat dan negara merupakan nada utama sajak-sajak dalam tempoh itu.

5.2 Penulis Fiksyen

Selain sajak, jumlah fiksyen yang dihasilkan juga banyak dalam tempoh perkembangan kesusasteraan pada tahun 50-an hingga 60-an. Koleksi karya fiksyen yang boleh didapati sekarang termasuklah *Lu Suying* 鲁素英 (Lu Suying) (1958) dan *Nu jizhe*

女记者 (Wartawati) oleh Wei Meng (1958), *Senyuman Muda* oleh Li Yiwen (1994), *Ye lai fengyu sheng* 夜来风雨声 (Bunyi Hujan dan Angin pada Waktu Malam) oleh Fan Min (1992), *Jingjing de shalaoyue he* 静静的砂劳越河 (Sungai Sarawak yang Sunyi) oleh Wei Fang 韦方 (1960) dan karya-karya lain yang tersiar dalam akhbar seperti “Xiaoxiang chunqiu” 小乡春秋 (Peristiwa-Peristiwa di Desa) oleh Xiao Nan, “Laolai de huanle” 老赖的欢乐 (Kegembiraan Lao Lai) oleh Gu Shiyuan 顾适远, “Juewu” 觉悟 (Kesedaran) oleh Xiao Nongren 小农人, “Xianjing” 陷阱 (Jerat) oleh Nie Ping 聂平, “Chuzou” 出走 (Melarikan Diri) oleh Ding Ren 丁人, “Cunshang huanghun” 村上黄昏 (Waktu Senja di Kampung) oleh Lu Weiming 路威明 dan “Zaoyu” 遭遇 (Apa yang Dihadapi) oleh Su Ming 舒明.

Fiksyen membayangkan kehidupan. Cerita fiksyen ketika itu telah membayangkan kehidupan dan perasaan keseluruhan masyarakat Sarawak pada tahun 50-an hingga awal tahun 60-an. Cetusan gerakan anti-penjajahan menandakan hasrat rakyat Sarawak yang lama terpendam di dalam hati semakin ketara. Pemuda-pemuda mula bergiat dalam bidang politik. Oleh itu, fiksyen mereka menunjukkan simpati terhadap seluruh masyarakat dan mengkritik perkara-perkara yang lapuk. Mereka juga menyanjung dan memuji pejuang-pejuang revolusi yang bersemangat mengorbankan diri di samping menyokong pandangan yang maju. Contohnya seperti watak utama dalam “Lu Suying” oleh Wei Meng yang cuba menentang seluruh masyarakat lama yang berfikiran karut, serta mencari jalan untuk memajukan diri sendiri.

Antara golongan penulis tersebut, Wei Meng, Li Yiwen, Fan Min dan Wei Fang yang lebih menonjol daripada yang lain. Walau bagaimana pun, karya mereka memperlihatkan pendedahan keadaan masyarakat, perasaan dan pemikiran rakyat serta betapa hebatnya pemuda-pemuda pada masa itu menyumbang tenaga mereka kepada masyarakat. Oleh itu, fiksi mereka bernilai dari segi sumbangan maklumat dalam pengkajian sejarah fiksi Cina Sarawak.

5.2.1 Wei Meng

Gaya fiksi Wei Meng jujur, seperti personalitinya. Berbanding dengan penulis lain pada masa itu, bilangan karyanya banyak. Hasil ciptaannya dalam tempoh itu termasuk *Lu Suying* yang mengandungi 8 cerpen, “Wartawati” dan “Chuliang” 出粮 (Pemberian Gaji) (Wei Meng 1958: 21) dalam *Kuangfeng Baoyu* 狂风暴雨 (Ribut Taufan). Cerita-cerita Wei Meng telah membongkarkan beberapa masalah, seperti:

(i) Masalah Wanita

“Lu Suying” ialah cerpen Wei Meng yang lebih menonjol berbanding dengan ciptaan lain. Kononnya cerita ini ditulis berasaskan kisah benar. Lu Suying merupakan lambang wanita yang mengejar kebebasan, ingin melepaskan diri daripada kongkongan keluarga untuk mengejar autonomi dalam kehidupan dan soal cinta. Dari segi pelukisan watak, Lu Suying telah melepaskan diri daripada imej wanita tradisi yang tekun bekerja,

bertoleransi dan sabar. Walaupun dalam keadaan yang susah, dia tidak pernah meminta pertolongan daripada orang lain. Seorang lagi wanita yang tinggal bersamanya juga ialah seorang wanita yang tabah, berdikari dan berusaha sendiri dalam mencari rezeki. Beliau ialah penggalak semangat bagi Lu Suying. Perselisihan faham antara Lu Suying dan bapanya menjadi pendorong utama yang menyebabkannya melarikan diri dan kemudiannya insaf. Lihatlah dialog antara bapa dan anaknya:

“Apa? Melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur? Ah Ying, ini tak mungkin tak sanggup!”

“Ayah, apakah masalahnya? Bukankah sekolah itu terkenal ? Ramai kawan sedarjah saya sudah bersedia melanjutkan pelajaran di sana!”

“Tidak, kalau orang lain saya tak peduli, tetapi gadis seperti kau pergi ke tempat yang begitu jauh untuk belajar, saya betul-betul bimbang. Saya pernah dengar khabar bahawa pelajar-pelajar di situ sangat jahat dan kau akan belajar menjadi jahat di sana! Engkau akan terpengaruh oleh tabiat buruk kawan-kawan di sana. Sungguh menakutkan!” (F3).

Dalam cerpen ini terdapat perbandingan yang jelas antara pemikiran bapa Lu Suying yang konservatif dengan pemikiran Lu Suying yang maju. Pertentangan pendapat tercetus apabila bapanya berharap Lu Suying pergi belajar di sekolah Inggeris supaya mudah mencari pekerjaan pada masa depan. Akan tetapi kebanyakan pemuda pada masa itu, sekolah Inggeris ialah tempat di mana orang Inggeris menjalankan sistem pendidikan pengabdian. Tempat pelajaran seperti ini tidak diterima oleh pemuda-pemuda yang berfahaman radikal. Bapa Suying berasa khuatir bahawa Suying akan menjadi jahat, iaitu

akan menyertai pergerakan revolusi. Ini adalah tindak balas biasa bagi seorang bapa. Bukan semua bapa berani, tambahan pula bapanya juga mempunyai pegangan fahaman politik sendiri sebelum itu. Oleh itu, 'bapa' bukanlah halangan utama bagi seorang gadis yang sedang membesar. Halangan utamanya ialah pandangan dalam keseluruhan masyarakat. Di bawah suasana masyarakat yang konservatif ini, pemikiran baru amat sukar diterima. Bapa tidak membenarkan Lu Suying mengejar kebebasan serta menerima pemikiran baru, kerana dia sendiri juga dikongkong oleh pemikiran yang konservatif.

Ming Er 鸣娥 dalam *Xiao furen* 小妇人 (Wanita Muda) (F4) juga memiliki sifat Lu Suying. Walaupun umurnya hanya 16 tahun, tetapi dia faham apa itu percintaan. Berbanding dengan Jiao Hua 椒花 dan Ah Feng 阿凤, dia lebih matang, berdisiplin dan berfikiran. Melalui percakapan Ming Er, penulis mengemukakan pendapatnya bahawa perkahwinan bukan dibina atas kekayaan dan sifat suka berlagak. Hanya percintaan yang dibina atas perasaan yang sama barulah dapat hidup berbahagia. Penulis juga memberi komen terhadap kesalahan pandangan Jiao Hua dan Ah Fong tentang kebebasan wanita dan keadilan antara pihak lelaki dan perempuan. Selain itu, perbandingan pemikiran antara Ming Er dan Wang Daniang 王大娘 juga agak unik. Mereka menasihati Jiao Hua agar tidak bercerai disebabkan kekayaan dan benci bekerja. Tetapi tujuan kedua-duanya sangat berlainan. Fikiran Wang Daniang adalah tertakluk kepada takdir, iaitu setelah berkahwin terserahlah dirinya kepada takdir sahaja, manakala Ming Er pula berpendapat

harus memupuk perasaan cinta semula, sama-sama belajar dan hidup bersama, dan inilah pandangan positifnya terhadap percintaan.

Ah Xiang dalam “Shancun jishi” 山村纪事 (Catatan Peristiwa di Bukit) (F5) juga ialah seorang pemuda yang maju pemikirannya dan setanding dengan Lu Suying dan Ming Er. Dia suka bekerja dan cergas dalam menyelesaikan masalah. Dia memetik lada, menggembur tanah, membersihkan rumput-rumpai, membubuh baja dan menghadapi krisis penyakit lada bersama-sama dengan kawan-kawan sedarjahnya. Melaluinya, penulis berjaya membentuk suatu imej wanita yang sihat dan aktif.

Wang Qiumei 王秋梅 dalam “Riluo” 日落 (Matahari Terbenam) (F6) pula ialah seorang wanita yang sama sekali berbeza dengan Lu Suying, Ah Xiang dan Ming Er tadi. Dia pernah berani memperjuangkan haknya tetapi patah di tengah jalan. Kesalahannya ialah ia tidak berpegang teguh kepada kepercayaannya sehingga ke saat terakhir, dan mengakibatkan kehilangan cinta sejatinya. Dia membantah, bergelut terhadap perkahwinan yang diatur oleh ibunya tetapi akhirnya terpaksa tunduk kepada kehendak ibunya. Ini adalah disebabkan oleh personalitinya yang lemah. Personaliti inilah yang dikritik oleh penulis. Watak Wang Qiumei sengaja dilukiskan sebagai bahan pengajaran yang negatif dan kurang rasa simpati terhadapnya.

(ii) Masalah Pulang ke China

Dalam “Kelian de haizi” 可怜的孩子 (Anak-anak Kasihan) (F1) penulis berhasrat untuk membincang soalan pulang ke China. Ini menunjukkan bahawa pemuda pada masa itu berasa tertekan dan masa hadapan mereka tidak tentu arahnya. Sebagai seorang pemuda dalam zaman moden, Ah Niu 阿牛 tidak dapat mencari arah kehidupannya. Ia selalu berpendapat bahawa dengan pulang ke China bermaksud telah pulang ke tempat asal hidupnya. Dengan cara itu, barulah dia dapat menghilangkan kekecewaan dan kehampaan jiwanya. Tetapi dia sudah silap. Sepupunya, kakak Min Li, memberitahunya bahawa dia harus bertapak dan berakar di tanah tempatan kerana tanah tempatanlah yang membekalkan zat makanan untuknya terus hidup. Lihatlah petikan perbualannya dengan Ah Niu:

“Ah Niu, walaupun negara China yang maha besar itu negara yang kami puja, tetapi tidak semestinya kami hidup dalam pangkuannya. Ini adalah kerana tanah di mana kami dilahirkan itu juga sama cantik dan dikasihi! Sekarang tanah ini umpama ibu kami yang dihinakan. Patutkah kami meninggalkannya atau membiarkannya dianiayai selama-lamanya? Kami harus menghapuskan malunya dan memulihkan kesihatannya!” (F1).

Pemuda-pemuda pada masa itu sudah faham bahawa sungguhpun negara China baik, tetapi ia tanah air orang lain. Tanah air kita adalah di bawah kaki kita. Tanah di mana kita sedang berdiri itu adalah sesuatu yang benar. Tugas kita adalah untuk membina dan membangun tanah ini supaya menjadi tempat yang kaya dan mewah.

(iii) Masalah Kepercayaan

Kepercayaan juga merupakan masalah yang diberi perhatian oleh pemuda-pemuda ketika itu, terutamanya agama Kristian yang disebar masuk dari Barat. Adakah Tuhan boleh dipercayai? Ini merupakan soalan yang ditanya-tanyakan oleh pemuda-pemuda.

“Shengmen neiwai” 圣门内外 (Di Dalam dan di Luar Pintu Syurga) (F7) oleh Wei Meng membincangkan soalan kepercayaan ini. Kelainannya ialah beliau memandang agama hanya dari segi negatif. Beliau mengambil satu kes seorang paderi untuk memulakan kritikkannya, iaitu menafikan kesemua pengajaran Kristian. Ini ditunjukkan dalam petikan dialog antara Guo Ming 郭明 dan Wei Jian 维坚 dalam fiksiennya :

“Guo Ming, selama ini kau masih tidak sedar bahawa kau dipermain-mainkan? Kau hidup dalam alam realistik, mengapa masih hendak mengejar sesuatu yang tidak nyata yang hanya wujud dalam bentuk khayalan?”

Selepas meletakkan bukunya di tempat asalnya, Wei Jian menyambung katanya “Pada zaman sains moden ini, kau masih bersembunyi di sebalik zaman untuk mengejar keindahan syurga, bukankah kau telah menghindarkan diri daripada realiti?”

Guo Ming masih membisu.

“Guo Ming, kau seorang pemuda yang bersikap rasional. Kau membaca lebih banyak daripada saya. Kau juga pernah membaca ‘Sejarah Perkembangan Masyarakat’ Adakah kau masih percaya bahawa manusia adalah dibuat daripada tanah? Tambahan pula, pengajaran Jesus juga telah diubah oleh orang sekarang. Betulkah kau langsung tidak mengetahui apa yang selalu dilakukan oleh paderi-paderi palsu yang memakai jubah besar? ”

Sekali lagi, Wei Jian melihat kawannya Guo Min yang sedang duduk di sebelahnya yang berdiam diri. Dengan tergesa-gesa dia menyambung lagi,

“Terus teranglah, bukankah kau pernah membaca novel *Niu Meng* 牛虻 (Langau)?” “Sudah baca” , jawab Guo Ming dengan tidak sabar lagi.

“Bukankah kau telah membaca tentang tingkah laku ketua paderi Montainili Di sini, ramai orang yang berupa Montainili”

“Hei, kawan, jangan suka-suka cakap sahaja!” (F7).

Daripada nada ucapan Wei Jian yang mendesak itu, kita tidak dapat melihat bahawa mereka sedang berbincang mengenai suatu kebenaran atau kenyataan. Kita juga tidak dapat melihat bahawa mereka sedang cuba mengadakan saling bertukar fikiran supaya mewujudkan persefahaman secara ikhlas. Akan tetapi apa yang kita dapat lihat ialah komen Wei Jian yang cuba mengubah kepercayaan Guo Ming. Kepercayaan asas pemuda-pemuda yang menyertai pergerakan anti-penjajahan ialah anti-penjajahan, anti-kemunduran, anti-feudalisme dan anti-kebodohan. Berpegang kepada kepercayaan itu, sudah tentu mereka cuba menyingkirkan kepercayaan agama. Mereka menganggap bahawa kepercayaan agama merupakan sesuatu yang telah ketinggalan zaman dan tahayul. Pemeliharaan rohani dan penyerahan diri kepada Tuhan dalam kepercayaan agama kebetulan bercanggah dengan fahaman radikal pemuda-pemuda pada masa itu. Oleh itu, mereka menganggap bahawa fikiran yang pasif ini akan menghalang mereka daripada maju ke depan. Penulis mengambil Montainili sebagai contoh untuk mengkritik paderi-paderi. Sebenarnya, Niu Meng menyayangi Montainili lebih daripada membencinya. Keagungan semangat Niu Meng adalah dia memaafkan kesalahan Montainili.

Pengarangnya Ethel Lilian Voynich³ (1864-1960) juga tidak menghukum Montainili. Montainili telah bertaubat atas kesalahannya sendiri. Pertentangan dan konflik hatinya sudah lama mengganti dosanya. Sebenarnya pengarangnya amat bersimpati dengan watak itu.

Pada dasarnya, penerangan Wei Meng tentang konsep agama adalah sama dengan apa yang dipaparkan dalam fiksiyen “Qingcun zai huangxiao” oleh Li Yiwen. Wei Meng mengkritik agama sekuat-kuatnya manakala Li Yiwen pula menggunakan agama untuk menyatakan wujudnya perbezaan pemikiran. Tujuan asasnya juga untuk menafikan kepercayaan agama.

(iv) Masalah Pendidikan

Wei Meng seorang guru, maka masalah dalam bidang pendidikan juga menjadi bahan ilhamnya. Beliau langsung tidak bersimpati dengan mereka yang menghadapi masalah salah laku dalam dunia pendidikan. Beliau mengkritik tingkah laku mereka dengan menunjukkan kemarahannya dalam karya. Contohnya seperti “Yiguan qinshou” 衣冠禽兽 (Binatang yang Berpakaian) (F8) dan “Xin xinshi” 新薪制 (Sistem Gaji Baru) (F9) telah membincangkan soalan ini. “Yiguan Qinshou” mengkritik Yuan 袁, penyelia sekolah dan Xiao Zeng 小曾 yang gilakan seks. Beliau tersangat benci akan tingkah laku mereka. “Xin xinshi” pula mengkritik sesetengah guru tua yang tidak bertanggungjawab dan tidak berpengetahuan tetapi suka berlagak di sekolah. Dalam

³ Ethel Lilian Voynich: Penulis Niu Meng, orang Ireland.

karyanya, beliau menyindir dan mendusta berhabis-habisan, menyampaikan rasa bimbang terhadap pendidikan emigran. Sebaliknya, terdapat segolongan guru muda yang mempunyai harapan tinggi terhadap usaha pendidikan. Cuba lihat kata-kata oleh Encik Sun,

“Ai.....Fang , guru-guru mempunyai alasannya untuk menuntut gaji yang berpautan. Akan tetapi janganlah kita mengajar semata-mata untuk mengisi perut dan untuk mencari wang!” (F9).

Apabila Encik Sun melihat sekumpulan guru berdebat tentang sistem gaji baru, beliau pun mengemukakan kata-kata sebegitu. Penulis mengkritik golongan guru yang hanya mementingkan keuntungan tetapi tidak mementingkan krisis pendidikan bangsa.

(v) Masalah Percintaan

Pada hari Ahad atau hari cuti, kita nampak dia berkaki-ayam, dan memakai baju rumput di kampung petani, membantu petani memetik lada, membersihkan rumput-rumpai dan menuai padi hidup bersama dengan kaum pekerja untuk merasai kehidupan mereka. Dia cuba memahami keadaan hidup keluarga pelajar secara mendalam dan ini agak berbeza dengan sikap sombong orang-orang pada masa dahulu. Sudah pasti penduduk kampung berasa gembira terhadapnya. Dia berazam hendak membimbing pemuda-pemuda yang ditarik dan ditenggelami oleh budaya kuning di kampung yang ketinggalan zaman itu supaya balik ke pangkal jalan yang sihat dan maju. Untuk melupakan kesakitan hati dan menyalakan harapan semula, dia menaruh keseluruhan semangat dan tenaganya dalam usaha pendidikan. Dengan adanya kasih sayang daripada petani-petani dan gelak ketawa daripada kanak-kanak, dia menjadi bertambah muda lagi (F3).

Petikan di atas menceritakan watak utama dalam *Lu Suying* iaitu Lu Suying, setelah putus cinta dengan teman lelakinya Li Kexin 李克新, pergi mengajar di sebuah kampung. Di

kampung itu, dia menukarkan kesedihan hatinya sebagai tenaga dengan menyumbangkan diri secara aktif. Inilah sikap yang dianggap matang oleh penulis semasa menghadapi percintaan. Seperti Zhu Bizhen 朱碧珍 dalam *Aiqing* 爱情 (Percintaan) (Sun Shaohao 1965) di mana selepas kehilangan cintanya, ia juga menyumbangkan diri kepada orang ramai dengan berusaha dan berkhimat untuk orang ramai. Sama juga, penulis mengkritik sikap Wang Qiumei yang bersedih kerana putus cinta. Kesedihan dan sikap ingin mendekati kemunduran adalah salah dari sisi percintaan.

Dalam karya Wei Meng, watak-watak yang bersifat positif selalu digambarkan sebagai manusia yang maju, berharapan tinggi dan bergiat dalam kehidupan. Akan tetapi sayangnya, kita tidak dapat melihat mereka sebagai watak-watak yang hidup kerana watak-watak ini dibentuk untuk bercakap bagi pihak penulis serta mengkritik dan membetulkan fikiran yang salah.

Karya Wei Meng termuat terlalu banyak pandangan, pemikiran dan soal moral dalam masyarakat. Apabila kita membaca karyanya, kita berasa keberatan yang susah dipikul. Sebenarnya, ciptaan karya beliau dilakukan atas sesuatu tanggungjawab, iaitu untuk menyebarkan sesuatu pandangan moral.

5.2.2 Li Yiwen

Qingchun zai huanxiao 青春在欢笑 (Senyuman Muda) ialah sebuah koleksi novel Li Yiwen yang termuat lima buah hasilnya, dua daripadanya merupakan karya yang

dicipta pada tahun 60-an, iaitu “Yige dianyuan de gushi” 一个店员的故事 (Kisah Seorang Penjaga Kedai) (F11) dan “Qingchun zai huanxiao” (F12). “Qingchun zai huanxiao” disiarkan di ruangan sambilan “Chidao wenyi” dalam *Xinwen bao* pada 7 March 1960. Penulis menggunakan nama Shi Wu 史武 sebagai nama penanya. Selepas novel itu disiarkan, ramai orang berbincang tentangnya. Panjang novel ini lebih kurang tiga puluh ribu patah perkataan. Buku ini merupakan sebuah cerita roman. Isi ceritanya memperlihatkan pandangan terhadap percintaan dan hidup pemuda-pemudi dalam sesuatu zaman.

Penulis telah membuat penyusunan dan pengaturan terlebih dahulu semasa menyampaikan keinginannya dalam cerita itu. Plot ceritanya dapat dianalisis seperti di bawah:

- (a) Pendahuluan, iaitu peristiwa yang mula-mula berlaku. Bahagian ini membawa cetusan konflik dalam cerita yang juga merupakan dorongan awal. Cerita bermula dengan Xu Yumin pertama kali berjumpa dengan Mary Liang yang berlakon ‘Mother Mary’ dan tertarik olehnya. Akan tetapi Yumin juga faham mereka tidak dapat hidup bersama. Titik pertentangan mereka terletak pada perbezaan dalam kepercayaan. Pertentangan awal itu beransur-ansur berkembang dan menuju ke kemuncak cerita pada kemudiannya.
- (b) Perkembangan, iaitu proses penulis mengisahkan cerita itu. Konflik antara mereka menjadi kuat. Tujuan penulis menjadi lebih jelas. Personaliti wataknya juga lebih

nyata dilihat. Dalam satu lawatan pelancongan, Yumin bertemu dengan Mary Liang. Kedua-duanya mula bergaul dalam kebahagiaan asmara cinta. Mary Liang berharap Yumin percaya kepada Tuhan. Yumin pula cuba mengubah fikiran Mary Liang. Oleh itu berlakunya pertentangan fikiran antara mereka. Selepas berkali-kali berlakunya pertentangan, konflik antara mereka bertambah kuat. Ini menunjukkan bahawa terdapat konflik peribadi antara mereka dan konflik ini menjadi alasan munasabah yang membawa kepada perpisahan antara mereka.

- (c) Kemuncak ialah bahagian yang menyentuh tentang pertentangan utama. Nasib watak-watak utama akan ditetapkan, sama dengan arah dan masa depan mereka yang kemudiannya membawa kepada kesudahan cerita itu. Konflik antara Xu Yumin dan bapanya merupakan kemuncak dalam cerita itu. Selepas Yumin tamat persekolahannya, bapanya mendesaknya bertunang dengan Mary Liang dan mula membantu bapanya menguruskan perniagaan. Dalam saat-saat yang penting ini, dia terpaksa membuat keputusan terhadap percintaan dengan Mary Liang di samping membuat pilihan untuk masa hadapannya. Plotnya tiba-tiba berubah dengan drastik.
- (d) Kesudahan merupakan pengakhiran cerita. Xu Yumin melarikan diri dan bekerja di Bukit Kayu 木山. Pada masa yang sama, dia juga menulis surat kepada Mary Liang menyatakan keinginannya hendak memutuskan cinta kerana fikiran mereka berlainan. Kalau mereka memaksa diri hidup bersama, pasti akan ditambah perasaan duka. Perbuatan Yumin mengakhiri percintaan mereka telah meredakan pertentangan itu.

Keistimewaan novel ini boleh disimpulkan di bawah :

- (a) Penyusunan plot cerita adalah sangat penting, terutamanya peristiwa-peristiwa yang berlaku mestilah munasabah dan logik. Dalam ciptaannya, Li Yiwen juga mempunyai keinginan beliau yang hendak disampaikan, iaitu beliau cuba mencipta sebuah novel yang bermutu tinggi. Akan tetapi dari segi penyampaiannya, penulis masih menghadapi batasannya, terutama sekali dari segi pengolahan. Dalam bahagian pertama, beliau telah mula bercakap kepada diri sendiri. Apabila Xu Yumin berjumpa dengan Mary Liang pada pertama kali, dia sudah mula berfikir, "Alangkah baiknya kalau dapat berkahwin dengannya." Penjelasan penulis ialah Xu Yumin telah jatuh cinta pada pandang pertama dengan Mary Liang. Akan tetapi pada masa itu Mary Liang belum lagi muncul di atas pentas. Apakah imej Mary Liang terhadap Xu Yumin belum diketahui lagi. Akan tetapi penulis sudah mengatur supaya Xu Yumin menaruh perasaannya pada Mary Liang dan menerusi percakapannya menunjukkan bahawa kepercayaan mereka adalah berlainan. Oleh sebab itu, hatinya telah senyap-senyap membuat keputusan tidak akan berkahwin dengannya.
- (b) Dari segi isi, novel ini telah menunjukkan kekuatan pemikirannya terutamanya dalam zaman yang terlalu menekankan sifat rasional dan kesedaran masyarakat yang paling berkembang. Xu Yumin mewakili golongan pemuda pada masa itu. Di bawah seruan zaman, mereka menceburkan diri dalam masyarakat dan menyumbangkan diri

untuk memenuhi kehendak masyarakat. Mereka juga menghadapi konflik individu. Seperti kebanyakan pemuda lain, mereka juga mempunyai nafsu dan keperluan. Akan tetapi kesemua ini tidak diterima oleh pemuda-pemuda yang dianggap maju ketika itu. Walau bagaimana pun, Xu Yumin tetap menganggap masa depan tanah airnya patut diutamakan. Oleh itu, walaupun Mary Liang ingin berkahwin dengannya, tetapi Xu Yumin telah mengecewakan hati gadis cantik itu, dan menyebabkan Mary Liang semakin pucat dan menyusut. Sebenarnya, Xu Yumin juga amat mencintai Mary Liang, tetapi di bawah norma masyarakat ketika itu, jiwanya terbelenggu dan dia cuba sedaya upaya menyimpan dirinya yang sebenar. Sudah beberapa kali, dia boleh menyekat percintaan mereka daripada terus berkembang, tetapi berkali-kali juga dia mencari alasan supaya dapat meneruskan hubungan dengan Mary Liang. Boleh dikatakan, dalam soal cinta, dia lebih berkecenderungan terhadap Mary Liang. Akan tetapi dia cuba menekan perasaan ini secara rasional.

- (c) Watak merupakan unsur yang paling utama dalam cerita. Kejayaan sesebuah novel bergantung kepada kejayaan perwatakan (Fang Zushen 1995 : 335). Dari segi pelukisan watak, penulis ingin mencipta imej Xu Yumin sebagai seorang yang berperasaan dan berbudi. Kepada Mary Liang, dia mempunyai perasaan cinta dan kepada masyarakat, dia ingin berbudi. Akan tetapi dalam keseluruhan perkembangan plot itu, didapati dia menjadi seorang yang lemah. Tiap-tiap kali apabila berlaku konflik dengan Mary Liang, Yumin kelihatan berpura-pura dan terbelenggu, dan

berangan-angan hendak mengubah Mary Liang. Apabila Mary Liang sudah jatuh cinta dengannya, dia masih tidak mahu menerima perasaan itu. Dapat dikatakan dia terlalu melindungi dirinya, malah menipu dirinya dan Mary Liang. Dia tetap berazam hendak menjadi seorang pemuda yang maju. Tingkah laku dan kata-katanya mesti bersesuaian dengan kesedaran masyarakat. Walau bagaimanapun, dia telah mengabaikan perasaan Mary Liang. Konflik hatinya dianggap sia-sia sahaja dan tidak bermakna. Akibatnya, imejnya lemah. Sebaliknya Mary Liang adalah lebih berani dalam menghadapi soal cinta. Dia memilih orang yang dikasihinya dan sering memelihara hati Xu Yumin, malah sedia mengubah fikiran dan pekerjaan sendiri. Selain taat kepada percintaan, imejnya pucat, seperti air mukanya. Dalam cerita itu, disebabkan penulis ingin menonjolkan watak Xu Yumin, maka para pembaca tidak dapat merasai gerakan jiwa dalam lubuk hati Mary Liang. Watak ini hilang personaliti dan kesedaran dirinya.

Selepas “Qingchun zai huanxiao” disiarkan di *Xinwen bao*, sambutan terhadapnya agak baik. Esei-esei yang membincangkannya ketika itu termasuk “Wo du qingchun zai huanxiao” 我读青春在欢笑 (Saya Membaca Senyuman Muda) oleh Sha Rong 砂荣, “Du qingchun zai huanxiao hou” 读青春在欢笑后 (Selepas Membaca Senyuman Muda) oleh Sha Dantian 砂丹田, “Wo du qingchun zai huanxiao” 我读青春在欢笑 (Saya Membaca Senyuman Muda) oleh Ka Min 卡敏, “Qingchun zai huanxiao duhou gan” 青春在欢消读后感 (Pendapat Selepas Membaca Senyuman Muda) oleh Ou Hai, “Du

qingchun zai huanxiao de ganxiang” 读青春在欢笑的感觉 (Pandangan Saya Selepas Membaca Senyuman Muda) oleh Ai Hua 艾华, “Du qingchun zai huanxiao hou” 读青春在欢笑后 (Selepas Membaca Senyuman Muda) oleh Ming Weiding 名未定 dan “Ping qingchun zai huanxiao” 评青春在欢笑 (Mengkritik Senyuman Muda) oleh Gu Jin 古进. Kesemuanya berjumlah tujuh buah esei.⁴ Berdasarkan esei-esei mereka, dapat disimpulkan beberapa komen seperti di bawah:

- (a) Pada pandangan mereka, fikiran dan pandangan yang disampaikan dalam novel itu harus bersesuaian dengan hasrat perjuangan golongan atau kelas. Perhubungan antara Xu Yumin dan Mary Liang dianggap tidak kukuh. Ada juga yang mengatakan bahawa Mary Liang jahil, tahyul dan lemah. Sifat-sifat lemah itu tidak sepadan dengan kualiti perjuangan mereka. Hanya sikap yang aktif, teguh hati, cekal hati dan maju ke depan dapat memenuhi kehendak perjuangan mereka.
- (b) Dalam pandangan mereka terhadap nilai hidup yang paling penting ialah berkhidmat untuk masyarakat dan rakyat sedangkan soal percintaan adalah kedua pentingnya. Hanya dengan cara hidup yang betul atau bersesuaian, baru dapat mereka maju. Oleh itu, Xu Yumin dan Mary Liang tidak patut berkahwin kerana percintaan akan menghalang Xu Yumin daripada terus maju ke depan serta menyekat cita-citanya untuk berkhidmat kepada masyarakat.

⁴ Ketujuh-tujuh esei itu dikumpulkan dalam “Qingcun zai huanxiao” oleh Li Yiwen 1994: 135-181.

- (c) Mereka mengkritik kepercayaan agama dengan sekuat-kuatnya. Kepercayaan Mary Liang adalah hasil yang didatangkan oleh persekitaran yang buruk. Sebab utama Mary Liang tidak dapat berkahwin dengan Xu Yumin ialah Mary Liang salah menganut agama. Oleh itu, kalau tiada Xu Yumin, Mary Liang akan mengalami keruntuhan moral. Selain itu, mereka menganggap keputusan Mary Liang supaya tidak ingin lagi menjadi seorang biarawati sebagai suatu perbuatan yang maju. Ini bermakna sifat rasionalnya mula bertumbuh dan imej sebegitu dapat diterima oleh masyarakat ketika itu.
- (d) Kritikan mereka berdasarkan pandangan sastera dari segi sosialisme yang menekankan fungsi kemasyarakatan novel dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu, contohnya Gu Jin (Wu An) dalam “Mengkritik Senyuman Muda” berkata,

Dari permulaan hingga akhir, cerita ini membayangkan satu proses bagaimana Xu Yumin dan lain-lain menyelesaikan masalah konflik antara percintaan dan pekerjaan, kepentingan individu dan kepentingan orang ramai (Li Yiwen 1994: 173).

“Qingcun zai huanxiao” merupakan sebuah novel yang bernilai pada tahun 60-an. Novel tersebut membayangkan cara pemuda-pemuda meninjau dan mengejar kehidupan ketika itu. Walaupun terdapat bahagian-bahagian yang kurang logikal, tetapi perkara ini dapat dimaafkan kerana ada sebab-sebabnya. Penulis dalam tempoh itu mempunyai keghairahan dalam penciptaan, tetapi tidak berupaya menunjukkan kekuatannya pada perkataan. Penguasaan bahasa penulis tidak dapat menyatakan

hasratnya dengan sepenuhnya dan oleh itu, hasil ciptaannya kelihatan lemah dan tidak bertenaga.

“Yige dianyuan de gushi” ialah sebuah lagi novel yang dihasilkan oleh penulis pada masa itu. Ia disiarkan di ruangan sambilan (Taman Baru) dalam “Xin bao” 新报 (Akhbar Singapura) di Singapura. Dalam kata pendahuluannya beliau berkata,

Tujuan saya menulis cerpen “Yige dianyuan de gushi” adalah hendak mengkritik golongan pemuda yang hanya hidup dalam lingkungan masyarakat yang sempit serta percintaan mereka yang tidak sihat melalui ciptaan sastera. Dengan itu saya ingin menggalakkan para pekerja supaya menceburkan diri dalam pangkuan masyarakat dan bergiat mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan pekerja, serta berjuang demi kehidupan yang lebih baik dan masa depan yang cerah (Li Yiwen 1994: vi).

Penulis telah menyatakan tujuan menghasilkan karya ini adalah untuk menggalakkan beliau menyertai persatuan pekerja. Masalah penjaga kedai yang disentuh adalah suatu masalah sosial. Melalui perubahan yang berlaku pada seorang pekerja muda Li Zixin, dinyatakan bahawa sifat manusia pada asalnya adalah baik, murah hati dan ingin memajukan diri. Akan tetapi pengaruh oleh persekitaran luar yang kurang sihat telah menyebabkannya diabdikan oleh pencabulan dan perjudian. Seterusnya penulis mengatur empat orang pelajar perempuan untuk berkongsi pengalaman hidup mereka dan membantu Li Zixin memulakan hidup baru. Li Zixin mulai sedar akan kelemahan dan kelumpuhannya dalam

hidup. Sejak itu, dia berasa sesal akan kesalahannya dan terus menyertai persatuan pekerja dan menjadi seorang pemuda yang maju.

5.2.3 Fan Min

Yelai fengyu sheng merupakan kumpulan cerpen Fan Min yang diterbitkan pada tahun 1992. Buku ini telah termuat “Beige” 悲歌 (Lagu Sedih) (F2) yang disiarkan pada tahun 1960, “Xiaoxiao de xin” 小小的心 (Hati Kecil) (F13) dan “Chen Dongtian” 陈栋天 (Chen Dongtian) (F14) pada tahun 1961, dan “Guxiang de ye” 故乡的夜 (Waktu Malam di Kampung Halaman) (F15) pada tahun 1963. Keempat-empat buah cerpen itu merupakan karya beliau pada awal tahun penulisannya. Liang Fang 梁放(1992: 47) berkata, “Cerpen Fan Min bersuasana mendung, tertekan dan murung.” Pada pendapat saya perkara ini bersangkut paut dengan zaman penulis itu berada. Dalam tempoh pergerakan anti-penjajahan yang hangat, kerajaan British melaksanakan corak pemerintahan kuku besi yang menekan dan menindas rakyat. Pada masa itu, setiap orang bimbang akan bahaya yang dihadapi. Penulis berasa marah dan mengeluh kerana tidak mempunyai kebebasan bercakap. Beliau terpaksa memendam perasaannya atau menyatakannya secara tidak langsung. Justeru perasaan yang tertekan ini, fikirannya terhadap persekitaran tidak dapat dinyatakan dengan terus terang, maka bahasa yang digunakan kelihatan gelisah dan mendung. Oleh itu, terbentuklah satu gaya ciptaan tersendiri yang bersifat murung dan simpati.

Ciri-Ciri Karya Fiksyen Fan Min

(i) Berkemahiran dalam Menggambarkan Alam Persekitaran

Fan Min pandai membina suasana dalam ceritanya. Cubalah lihat “Beige” :

Sungai Sarawak yang berdiam diri, air sungainya betapa keruh. Bunyi ‘tut – tut’ motor memecah permukaan air sungai yang sunyi. Ombak kecil di depan bot tidak berhenti bergolek-golek, begitu kelat, seperti seorang tua yang sesak nafas kerana ditekan oleh tekanan hidup, hendak bercakap tetapi tersekat percakapannya. Apabila membuka mulutnya, terkeluar air liur seakan-akan hendak melepaskan perasaan gelisah dan ketidakadilan dalam dadanya (F2).

Gambaran pemandangan ini bukan sahaja untuk menggambarkan sesuatu pemandangan semata-mata, ia juga merupakan permulaan satu cerita. Penulis menggunakan air yang keruh, bunyi ‘tut-tut’ motor yang membosankan untuk melukis suatu gambaran yang sunyi supaya menonjolkan imej orang tua di samping menyediakan suatu penceritaan untuk menyatakan nasib malang orang tua yang menderita, kesukaran dalam kehidupan dan hatinya yang terlonggok dengan perasaan muram. Oleh itu, penggambaran alam dalam perenggan ini disediakan terlebih dahulu sebelum orang tua itu muncul supaya mencipta suatu suasana yang sunyi dan keseorangan serta seterusnya menyatakan alam kehidupannya yang sukar dan menderita. Walaupun sudah tua, dia masih terpaksa berusaha dan bertarung dengan nasib. Cuba lihat lagi “Chen Dongtian” :

Matahari senjakala terbenam di lorong yang terpencil. Selain beberapa keluarga yang tinggal di hujung lorong itu, biasanya jarang ada orang yang

berulang-alik di sana. Chen Dongtian berjalan berseorangan di lorong itu, langkahnya kelihatan longlai. Dia tidak pandang ke mana-mana, kepalanya tunduk ke bawah. Dari mata yang pudar dan letih itu seakan-akan terpancar sinaran yang berdoa agar hasratnya dapat dipenuhi. Bibir keringnya tidak berhenti-henti bergerak. Air liurnya hampir akan terjatuh dari bibirnya (F15).

Di sini penulis menggunakan matahari yang terbenam, lorong yang terpencil yang jarang dilalui orang di situ dan beberapa keluarga yang tinggal di situ untuk menggambarkan suatu pandangan yang sunyi, keseorangan dan usang. Pemandangan persekitaran itu berpadanan dan bersatupadu dengan imej watak. Keadaan luar yang kelam dan sunyi, buruk dan usang itu menonjolkan badan Chen Dongtian yang uzur dan tenaga yang hampir habis digunakan. Kisah Chen Dongtian mula berlakon di sini. Dalam perenggan ini, penulis berjaya mengukir rupa buruk seorang penagih ganja yang keseorangan, langkah yang tidak stabil, penakut, menunggu hasratnya dipenuhi, bibir kering dan air liur tidak berhenti mengalir. Dalam keadaan begini, maruah sebagai seorang manusia juga hilang sama sekali.

(ii) Cara Penulisan Berkiasan untuk Membawa Tema Cerita

Perasaan Fan Min yang tidak terdaya sekali lagi terpapar melalui cara penulisan kiasan yang disukainya. Cuba lihat “Beige” olehnya :

Kali ini bukan sahaja pulang ke rumah untuk melihat ibu, apa yang sangat ditakuti ialah terpaksa pergi berjumpa dengan pegawai kerajaan, untuk menerima amaran kali yang terakhir. Kalau terus bermesra dengan anak-anak dan para ibu bapa, lesen tidak akan dikeluarkan lagi, peluang mengajar juga tidak dapat diteruskan lagi dan besar kemungkinan akan dimasukkan ke penjara pula! (F2)

Secara luarannya cerpen ini menerangkan tentang Ah Cheng yang tidak berpeluang bersekolahan kerana keluarganya miskin. Ibunya terpaksa bekerja keras, dan ayahnya asyik berjudi. Inilah garis jelas watak-watak utama dalam cerita itu. Akan tetapi di sebalik cerita ada satu perkembangan lain. Ah Cheng tidak berpeluang bersekolah kerana masalah politik. Untuk menyekat anti-penjajahan daripada merebak, kerajaan penjajah menyekat hak pendidikan kanak-kanak. Perkara ini merupakan garis tersembunyi cerita. Inilah yang sebenarnya maksud yang hendak disampaikan oleh penulis, yang merupakan garis utama penceritaannya. Apa yang hendak dituduhnya ialah tenaga pembinasaan di belakang orang ramai iaitu kerajaan penjajah British. Cerita ini diuruskan sebegitu rupa kerana ada sesuatu yang terpendam di dalam hati yang perlu dinyatakan agar penulis berasa lega. Akan tetapi dia tidak boleh menyatakannya dengan terus terang. Maka dia terpaksa menyampaikannya secara kiasan, seperti yang dinyatakan dalam cerpen itu :

Saya menjawabnya dengan satu senyuman yang pucat, banyak kata-kata apabila sampai mulut berubah menjadi buih-buih dan hilang begitu sahaja. Bolehkah saya mengatakannya secara terbuka? (F2).

Encik Lin 林先生 dalam "Beige" tidak dapat menjawab pertanyaan Qun Bo 群伯. Sebenarnya penulis sengaja menggunakan cara penulisan yang mahu dan tidak mahu itu untuk menunjukkan jalan utama dalam ceritanya. Encik Lin dalam cerita ialah seorang cendekiawan. Penulis menggunakannya sebagai wakil untuk menunjukkan

golongan cendekiawan yang tidak terdaya apabila berhadapan dengan realiti. Mereka berhasrat untuk membantu rakyat dan menyelamatkan negara. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh Qun Bo sudah menyebabkannya hilang akal.

Seakan-akan ada satu tangan besar yang menutup mulut dan tangan saya dari belakang, dan menarik saya ke belakang, dengan serta-merta saya tidak dapat mengeluarkan walau sepatah perkataan pun (F13).

Apabila Encik Lin ditanya oleh ibu Ah Cheng mengapa Ah Cheng tidak boleh pergi ke sekolah lagi, dia berasa begitu sukar menjawabnya. Dalam cerpen itu, Encik Lin ialah seorang pencerita. Penulis menggunakan salah seorang watak dalam ceritanya sebagai pencerita dan kesemuanya berasaskan kepada sudut pandangan watak itu. Melalui mata Encik Lin, diperhatikan kepala Ah Seng botak dan mempunyai beberapa kesan kecederaan, pakaian Mak Cik Ming 明嫂 kotor dan tangannya mengeluarkan bau getah yang busuk, juga dapat dirasakan kesukaran anak-anak Cina dalam hal menerima pendidikan. Kesemua perkara ini terlihat di depan mata Encik Lin, sama ada yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengannya. Akan tetapi Encik Lin juga selalu mengubah peranannya sebagai pemerhati sampingan. Keadaan ini menunjukkan penulis menarik diri daripada keadaan sengsara yang tidak tertahan olehnya. Oleh itu, dalam "Beige" dan "Xiaoxiao de xin", penulis mengumpamakan diri sendiri sebagai Encik Lin untuk menyatakan bahawa ia tidak berupaya menghadapi realiti :

Tetapi sekarang aku (Ah Cheng 阿成) tidak dapat bersekolahan lagi! Encik Lin, apa patut aku buat?" Apakah seharusnya saya lakukan? Tiba-tiba saya

berasa tegang apabila berhadapan dengan anak yang ditimpa kesusahan, yang ingin menimba ilmu pengetahuan tetapi terpaksa bermundar di luar pintu sekolah kerana disekat oleh perbuatan manusia yang sengaja. Apakah yang patut saya lakukan? Apakah yang boleh saya buat?" (F13).

Bukan sahaja Encik Lin yang tidak tahu apa harus dibuatnya, penulis sendiri juga tidak dapat berbuat apa-apa. Oleh itu, beliau menyatakannya menerusi teriakan Encik Lin, antaranya terdapat keghairahannya, kehampaan kerana tidak terdaya, kasihan dan kemarahannya.

(iii) Penggambaran Watak

Apabila ayah budak itu nampak saya, mukanya terlintas satu senyuman. Senyuman itu mengandungi kesedihan yang sukar disembunyikan. Hujung matanya selalu mengandungi kegelisahan yang tidak dapat dipadamkan. Matanya kelihatan keruh, tidak lagi terang dan jelas, seperti telah dilitupi oleh selapisan warna kuning keputihan. Belakang badannya bertambah bongkok berbanding dengan masa dahulu. Kulit berwarna perang itu juga tidak berseri lagi di bawah cahaya matahari (F2).

Penggambaran imej orang tua itu adalah berpadanan dengan keadaannya. Mata yang kelihatan sedih dan gelisah, belakang badannya yang bongkok dan kulit berwarna perang telah menunjukkan satu gambaran peribadi orang tua dari rupa bentuk luarannya. Ternyata, wajahnya membayangkan kegelisahan yang tersimpan dalam hatinya. Penulis telah berjaya menulis sifat unik orang tua itu. Penulis cuba mengelakkan penggambaran sifat watak yang biasa dilakukan.

Salah sebuah bilik dari hujung kaki lima itu mengeluarkan bunyi yang berterusan. Dengan cepatnya, asap tebal yang bergumpal-gumpal dengan bau yang kuat dan

menjolak hidung tersebar dari bilik itu. Dongtian mengecutkan hidungnya seakan-akan bau ini seperti kilat mengalir masuk ke dalam semua saraf badannya. Semangatnya dirangsangkan serta-merta, seakan-akan seorang yang berjalan di gurun tiba-tiba menjumpai oasis, lalu melangkah masuk ke dalam bilik itu (F14).

Pergerakan hati Chen Dongtian telah digambarkan melalui tingkah laku luarannya, terutamanya rasa sensitifnya terhadap candu dan tindak balasnya apabila terhidu bau candu, menunjukkan ketamakannya serta kegagalannya mengawal diri terhadap candu. Melalui pengisahan watak yang digambarkan, penulis mengemukakan secara sistematik faktor yang menyebabkan Chen Dongtian mundur dan miskin. Menghisap candu ialah tabiat buruk dalam masyarakat lama. Penulis mengkritik tabiat buruk itu dan memberi amaran bahawa seseorang harus membuang tabiat buruk ini supaya dapat memulakan hidup baru.

(iv) Daripada Perkara Kecil hingga ke Keseluruhan Penggambaran

Dia menamatkan kata-katanya sebegini, “Perkara yang ditimpa oleh Qun Bo, oh, tidak, perkara-perkara yang lebih teruk masih banyak lagi!” (F2)

Kalau kamu masuk jauh ke dalam kampung tani, lagu sedih yang serupa didengar di mana-mana sahaja. Selepas mendengar lagu-lagu sedih yang dinyanyikan oleh kaum buruh itu, air mata mu tidak tertahan lagi! Banyak kisah dan drama hidup yang menarik tidak berhenti-henti dipersembahkan di atas tanah kampung halaman. Kalau engkau sudi, saya akan memilih satu daripada berjuta-juta kisah yang mengharukan hati itu. Ia adalah begitu biasa dan umum, tetap hidup dan menyebabkan engkau tidak dapat melupakan selama-lamanya (F15).

Fan Min pandai bercerita. Daripada perkara yang kecil, beliau cuba menulis tentang kehidupan dan kenyataan, fikiran, perasaan dan pergerakan hati rakyat jelata dalam bentuk novel. Oleh itu, dalam novelnya dapat dilihat satu gambaran semasa yang diperkecilkan. Dalam “Beige” , beliau menulis tentang kesukaran hidup seorang orang tua. Dalam “Xiaoxiao de xin” , beliau menulis tentang beban yang dipikul oleh seorang budak kecil. Dalam “Chen Dongtian” pula beliau menulis tentang seorang orang tua yang meninggalkan kegelapan dan menghala ke arah kehidupan yang cerah, dan “Guxiang de ye” (F15) pula menyebar hasrat perjuangan revolusi. Semua tema ceritanya berkaitan nadi masyarakat semasa.

Mungkin disebabkan penulis berada dalam zaman yang sensitif, tiada kebebasan untuk bercakap, maka beliau terpaksa menyimpan kegelisahan hatinya. Walaupun sebagai pemerhati sampingan, tetapi hatinya tidak pernah tenang. Kemesraannya selalu diperlihatkan dalam perkataan dan ayatnya. Beliau hendak mengatakan sesuatu, tetapi tidak dapat menyatakannya dengan terus terang, kerana segalanya tidak mampu dinyatakan.

5.2.4 Wei Fang

“Jingjing de shalaoyue he” ialah salah satu cerpen dalam *Jingjing de shalaoyue he* 静静的砂劳越河 (Sungai Sarawak yang Sunyi) (F16). Gaya pengisahannya agak berbeza dengan cerita-cerita lain yang menyebarkan cita-cita revolusi. Penulis menulis

tentang kepalsuan dan tingkah laku buruk orang-orang atasan. Beliau juga secara tidak langsung menyatakan kepahitan hidup orang-orang yang ditindas dan tidak berkeupayaan menentang mereka. Perbezaannya ialah cerpen ini menggunakan watak negatif Lao Wei 老韦 sebagai perkembangan plot utama. Cerita ini dibahagikan kepada dua kelas sosial, kelas atasan yang diwakili oleh pihak berkuasa dan kelas bawahan yang diwakili oleh golongan yang ditindas oleh pihak yang berkuasa. Kedua-dua kelas ini membentuk jurang besar yang bertentangan dan tidak dapat diatasi. Tauke Huang 黄老板, Pengurus Ding 丁经理, Anne 安妮, Cik Zhang, dan Inspektor Wang 王警官 adalah watak-watak negatif dalam cerita itu, dan Lao Wei ialah watak jahat yang utama dalam cerita itu. Dia salahgunakan kuasanya, makan rasuah dan melanggar undang-undang, memeras rakyat jelata yang miskin dan lemah, menipu wang dan hati seorang janda serta bercakap kasar kepada pekerja-pekerja. Segala yang dilakukannya hanya untuk kepentingan wang semata-mata.

Penulis cuba sedaya upaya mengurus perkara-perkara jahat yang dilakukan oleh Lao Wei, satu-persatu mengisahkan perkara-perkara jahat yang telah dilakukannya untuk menonjolkan perbuatan jahanamnya. Akan tetapi perkara-perkara yang berlaku itu tidak berhubungan antara satu dengan lain. Kita dapat memisahkan peristiwa-peristiwa itu satu demi satu. Oleh itu, walaupun cerita itu menarik, tetapi tiada kemuncaknya.

Untuk menamatkan perbuatan dusta Lao Wei yang keterlaluan itu, penulis mengatur seorang ahli parlimen Lin 林议员 iaitu watak yang menegakkan kebenaran untuk menyokong ketua pekerja Lu Xin 路信 yang sedang ditindas. Akan tetapi dalam

keadaan yang huru-hara ini, suara menegakkan kebenaran menjadi terlalu lemah. Oleh itu, orang yang penuh berdosa seperti Lao Wei akhirnya juga dapat terlepas daripada hukuman undang-undang yang tidak ketat. Pengolahan sebegini menunjukkan bahawa penulis seakan-akan berasa segalanya tertakluk kepada takdir. Orang baik terus diseksa dan tidak diambil tahu orang tetapi penjahat bebas dan tidak dihukum.

Dalam ceritanya, keluarga yang paling hebat sekali ditindas ialah keluarga Chen Wu. Keadaan yang dihadapinya membayangkan kehidupan orang-orang kelas bawahan yang rajin membanting tulang untuk mendapat sedikit gaji bagi menyara hidupnya sekeluarga. Setelah Chen Wu tercedera dan dimasukkan ke hospital, isteri Chen Wu pergi meminta pertolongan daripada Lao Wei. Keadaannya sungguh mengharukan sehingga menyebabkan air mata pembaca bercucuran. Akan tetapi Lao Wei langsung tidak mempedulikan hal ini. Penulis telah berjaya mengukir sikap Lao Wei yang tidak bersimpati dan tidak berperikemanusiaan.

Apa yang hendak ditekankan oleh penulis dalam seluruh cerpen itu ialah kebenaran tidak dapat ditegakkan. Cerpen itu diselubungi dengan bunyi sedih zaman itu. Penjahat-penjahat berleluasa dan hak-hak rakyat jelata tidak dapat dipertahankan.

Hasil ciptaan fiksi pada peringkat masa itu dapat saya simpulkan kepada beberapa perkara seperti di bawah :

- (i) Kebanyakan isi kandungannya membayangkan realiti dan keadaan masyarakat dengan berpanduan kepada cara ciptaan mengikut realisme.

- (ii) Kebanyakan penulis ketika itu menulis cerpen. Ini adalah berkaitan dengan kematangan dan kemahiran dalam penulisan karya. Para penulis masih tidak berupaya mengurus novel yang lebih kompleks.
- (iii) Penulis cuba menulis cerita yang berunsur revolusi supaya dapat mempengaruhi dan memimpin rakyat agar dapat mencapai tujuan menyedarkan masyarakat. Contohnya “Qingchun zai huanxiao” oleh Li Yiwen yang cuba menyatakan pandangan tentang kehidupan dan pandangan tentang soal cinta yang betul. “Guxiang de ye” (F15) oleh Fan Min menulis tentang kisah dua orang pemuda yang menyumbang tenaga dan berpegang teguh kepada cita-cita tinggi dalam revolusi. Walaupun ditangkap, tetapi mereka masih berpegang kepada kebenaran, dan tidak membelot. Akan tetapi plot cerita terlalu mudah. Kita tidak dapat melihat gambaran keseluruhan masyarakat. Penulis juga tidak berupaya menguasai ciri-ciri istimewa fiksiyen.
- (iv) Karya-karya cerpen ketika itu adalah hasil daripada sesuatu masa dan tempat yang tertentu. Ia merupakan sebahagian daripada pergerakan anti-penjajahan pemuda-pemuda ketika itu. Mereka menyebarkan fahaman menerusi ciptaan fiksiyen, menyuarakan ketidakadilan masyarakat dengan tujuan menyedarkan orang ramai supaya mencapai tujuan mengubah masyarakat.
- (v) Pandangan sastra ketika itu menekankan penulisan watak yang tipikal dan ciri-ciri alam persekitaran yang istimewa. Ramai penulis muncul pada masa itu mewujudkan suatu suasana penciptaan karya yang sangat menggalakkan tetapi kita tidak melihat

imej tipikal yang dapat diwariskan dalam jangka masa panjang. Ini adalah disebabkan penulis tidak dapat mencipta watak aktif, segar dan unik yang dapat memberi kesan mendalam kepada pembaca.

Penulis ketika itu mendukung cita-cita penciptaan yang agung. Pencipta juga cuba menyatakan hasrat mereka dalam bidang politik serta pandangan hidup yang tepat. Akan tetapi pengisahan dalam karya hanya di permukaan sahaja atau tidak dapat menyentuh tentang pokok persoalannya. Walau bagaimana pun, kita tetap percaya bahawa penulisan fiksi tempatan akan beransur matang kelak dan mencapai taraf kesenian yang lebih tinggi.

5.3 Penulis Prosa

Kebanyakan ciptaan prosa yang muncul pada tahun 50-an hingga 60-an disiarkan dalam akhbar. Hasil ciptaan prosa itu sama ada untuk melepaskan perasaan, mengisahkan sesuatu peristiwa atau membincangkan sesuatu perkara bertujuan untuk menyampaikan sesuatu pandangan atau fahaman dan menyebarkan atau membetulkan sesuatu pemikiran. Penulis cuba menyatakan kebenaran dan realiti hidup, dan isi ciptaan prosa memperlihatkan fungsi pragmatiknya.

Prosa ialah sejenis bentuk sastera yang melingkungi bidang yang sangat luas. Dalam definisi yang luas, prosa ialah segala karya kesusasteraan selain ciptaan penulisan yang berirama. Selepas tahun pergerakan 4 Mei, prosa berkembang menjadi sejenis

penulisan yang selari dengan penulisan fiksi, drama, dan sajak. Segala penulisan yang bernilai sastra seperti catatan kenangan, nota, perasaan hidup, surat, laporan pelancongan, sastra bentuk laporan yang bercirikan sastra adalah tergolong dalam kumpulan ini. Dalam makna sempit, penulisan prosa harus berasaskan perasaan, di dalamnya harus berpadu dengan perasaan yang kuat (Wei Yi 1989a: 48). Berkenaan dengan pengelasan prosa, penyelidikan ini akan berpanduan kepada definisi yang luas.

Jumlah hasil penulisan prosa yang tersiar di akhbar pada masa itu adalah banyak. Sebahagian besar daripadanya ialah prosa berbentuk nasihat, terutamanya yang membincangkan atau mengisahkan sesuatu kebenaran. Tujuannya cuba mempengaruhi dan mendidik orang ramai, iaitu menekankan fungsi prosa dalam masyarakat. Inilah kehendak zaman terhadap penulisan prosa. Oleh itu, kita tidak dapat membaca prosa yang lebih bersifat menyatakan perasaan. Pada tahun 50-an hingga tahun 60-an, penulisan prosa masih berada dalam peringkat percubaan. Banyak bentuk dan teknik belum dapat diaplikasikan sepenuhnya. Oleh itu, kita tidak dapat melihat penulisan prosa pada masa itu berasaskan definisi prosa semata-mata.

5.3.1 Han Paian

Pada jangka masa itu, penulis prosa berbentuk perasaan yang paling menonjol ialah Han Paian. “Shengming de henji” 生命的痕迹 (Kesan-kesan Kehidupan) (Han Paian 1962) termuat hasil prosa beliau dalam tempoh tahun 1959 - 1962. Prosa Han Paian

bersifat segar, indah dan semula jadi. Perasaannya memenuhi karya penulisannya dan terasa suatu tenaga yang tersembunyi tetapi berupaya mempengaruhi orang. “Zuguo meili de shan he” 祖国 – 美丽的山河 (Tanah Air, Alam Semula Jadi yang Indah) ialah prosa yang menyanjung keindahan pemandangan alam di tanah airnya. Lihatlah kata-katanya:

Berlanjutan dari jalan raya ialah padang besar dan banjaran gunung. Padang besar bersambung dengan banjaran gunung, satu kemuncak diikuti satu kemuncak, banjaran gunung pula bersambung dengan padang besar. Padang besar berwarna hijau manakala banjaran gunung pula berwarna hijau. Tanah air kita ialah suatu lautan hijau.... Di bawah cahaya waktu subuh dan senjakala, gunung-ganang dan padang besar begitu tenang. Dalam suasana damai itu arus kehidupan sedang mengalir. Apabila matahari mula menerangi bumi, keadaan di kebun getah merupakan suatu pandangan sibuk. Pekerja-pekerja menanam lada di kebun sudah mula mencangkul tanah, mencantas ranting-ranting pokok lada dan membersihkan rumput-rumpai

Berhadapan dengan tanah yang indah ini adakah cinta taat setia kita masih disyaki? Cerun gunung bersambung dengan cerun, padang besar bersambung dengan padang besar, kami ialah tuan tanah ini, kerana kami juga mencipta, membukanya. Berharap langit tanah ini selalu biru, dan terapung awan bebas, dan di padang besar ini tidak ada kemiskinan dan kesengsaraan (P2).

Penulis menggambarkan kecantikan pemandangan semula jadi melalui penulisannya dan berjaya membentangkan kepingan gambar alam semula jadi di Sarawak seperti padang besar, banjaran gunung, lautan hijau dan keadaan pekerja pekebun lada hitam yang sedang sibuk bekerja di kebun. Di sini, perasaannya yang tersembunyi terhadap tanah air telah dilepaskan. Pada masa yang sama, ia juga menyatakan identitinya terhadap tanah air ini. Penulis juga mengadu bahawa taat setia kita tidak seharusnya diragu-ragukan. Taat setia

kepada tanah ini adalah sejati. Melalui karya “Zhuguo-meili de shanhe” , “Menggelan shu zhi ge” 蒙格兰树之歌 (Lagu Pokok Menggelan) (P3) dan “Wuyen de he” 呜咽的河 (Sungai yang Tersedu) (P4) beliau menyatakan perasaan mengambil beratnya terhadap tanah. Justeru itu, beliau berharap tanah airnya tidak lagi dihambaabdi dan dibinasakan oleh orang lain lagi.

Dalam “Menggelan shu zhi ge” , penulis menggunakan sebatang pokok untuk melepaskan perasaannya. Penulis melambangkan pokok Menggelan sebagai askar-askar dan soldadu-soldadu yang gagah berani di barisan hadapan tentera laut. Dalam “Wuyen de he” penulis berkata,

Sungai Sarawak yang tercedera, biarlah kami merawat luka engkau yang berdarah itu dengan hati suci kita (P4).

Penulis mengumpamakan ‘dijajah’ sebagai tercedera dan tertindas. Pada mata mereka, kerajaan penjajah British merupakan satu kuasa pemerintahan yang kuat, dan cendekiawan akan mengambil berat tentang masalah di tanah air. Dalam ciptaan prosa, kita juga dapat melihat tema utama yang disampaikan oleh sasterawan pada dekad itu ialah masalah masa depan tanah air. Selain mengambil berat tentang tanah airnya, penulis juga telah menyampaikan tanggungjawab mempertahankan keselamatan negara.

Selain prosa yang menyatakan perasaan, Han Paian juga dapat menggambarkan wataknya secara hidup dan bernyawa dalam prosa pengisahan. Contohnya dalam “Wang” 网 (Sarang) (P5), penulis berjaya menggambarkan perasaan watak

utamanya Gan Jun yang tidak berupaya menghadapi realiti hidup. Penulis mengambil sebahagian daripada cebisan kehidupan Gan Jun untuk menggambarkan bagaimana kebenciannya terhadap kehidupan bapa saudaranya yang berfoya-foya tetapi dia tidak berupaya mengubah realiti hidup itu. Walaupun bahasa yang digunakan sangat ringkas, tetapi ia tetap menunjukkan sifat kemarahannya kepada dunia. Pembentukan sikap begini adalah disebabkan oleh keadaan persekitaran masyarakat. Dalam perenggan kedua, penulis menunjukkan keluhan hatinya. Beliau mengumpamakan masyarakat ini sebagai satu sarang labah-labah, jika seseorang terjatuh ke dalamnya, dia memerlukan keberanian yang kental untuk melepaskan dirinya. Ekoran itu, penulis melalui watak Gan Jun mengkritik cara hidup bapa saudaranya yang cabul dan tidak bertanggungjawab. Selepas tamat pengisahan “Wang” , beliau menulis,

Masyarakat umpama satu sarang labah-labah yang kusut-masai dan membelenggu orang ramai (P5).

Maka, dengan itu ia bersesuaian dengan tema yang telah didedahkan sebelum ini. Penulis menggunakan teknik imbas kembali untuk menyatakan rasa bosan dan tidak terdaya Gan Jun menghadapi realiti hidup. Walaupun ditulis dengan hati tulus tetapi dapat memperlihatkan rasa simpati penulis yang tidak terhinnga.

Dalam proses pengisahan, terdapat juga dengan perasaan subjektif penulis. Perasaan jujur penulis yang ditunjukkan dalam hasil karyanya amat mengharukan. Penulis

menyatakan pandangan subjektif dan pengalaman hidupnya melalui pemandangan di sekelilingnya. Beliau menyatakan perasaan hati yang paling mendalam.

5.3.2 Shen Jiang, Zhou Xin dan Xiao Nan

Pada tahun 30-an, penulisan prosa yang berbentuk *Zawen* 杂文 telah menjadi satu bentuk penciptaan baru dalam arena kesusasteraan Cina. Arena kesusasteraan ketika itu amat meriah sekali. Penulis *Zawen* yang terpenting ketika itu ialah Lu Xun. Cara penulisannya tersendiri iaitu yang bergaya membedah dan menembak menjadi ikutan pemuda-pemuda ketika itu. Penulis-penulis Cina Sarawak juga amat menghormati Lu Xun, tambahan pula masa itu mereka berada dalam masyarakat yang mengalami perubahan. Segala fenomena dalam masyarakat dan sikap hidup manusia telah menjadi isi penting. Oleh itu, muncul segolongan penulis yang berebut-rebut mempelajari cara penulisan *Zawen* untuk mencungkil dan mengolahkan perkara-perkara yang tidak adil dalam masyarakat. Ketika itu, muncul penulis-penulis seperti Shen Qiang, Zhou Xin 周辛, Xiao Nan 肖南, Cao Yi 曹宇, Zhou Nian 周年, Fan Fu 凡夫, Qian Gan 钱干 dan lain-lain. Hanya Shen Qiang, Zhou Xin dan Xiao Nan lebih giat mengarang berbanding dengan penulis-penulis seangkatan dengannya. Karya Shen Qiang dikumpulkan dalam buku *Weifeng xiyu ji* 微风细雨集 (Koleksi Gerimis dan Angin Sepoi-Sepoi) (1980). Hasil-hasil lain yang saya dapat kumpulkan ialah “Ren, gou ji qita” 人.狗及其他 (Orang, Anjing dan

Lain-lain) (P6) dan “Jianli wangyi” 见利忘义 (Nampak Wang Lupakan Budi) (P7) oleh Zhou Xin dan “Shuyao” 诛妖 (Bunuh Syaitan) oleh Xiao Nan (P8).

Pada masa itu, Shen Qiang merupakan penulis yang proflik dan berazam menegakkan kebenaran dan mengeji keburukan semasa. Karyanya seperti “Laonu” 捞女 (Pelacur) (P9), “Tanyao” 谈妖 (Tentang Syaitan) (P10), “Yaoguai ji qita” 妖怪及其他 (Syaitan dan Lain-lain) (P11), “Maochong tan” 冒充谈 (Tentang Penyamaran) (P12), “Zhongyan nier” 忠言逆耳 (Nasihat Baik tidak Sedap Didengar) (P13) telah mengemukakan soalan yang tajam dan mendalam. Dalam “Laonu” beliau memarahi kelakuan berdosa pelacur, “Tanyao” dan “Youguai ji qita” pula mengeji orang-orang yang bersikap palsu. “Maocong tan” pula mengkritik orang-orang yang mengambil kesempatan dengan menyamar diri seperti wira atau orang besar, sebenarnya ialah penipu.

Shen Qiang ialah seorang yang kaya dengan perasaan dan *Zawennya* memperlihatkan penjelasan beliau tentang percintaan dan kebencian, baik dan jahat, berani dan marah. Beliau berani bercakap, terutamanya dari segi mengagungkan kebenaran dan keperibadian. Dalam “Tan qijie” 谈气节 (Tentang Keperibadian) beliau berkata,

Orang yang berkeperibadian akan selalu berjalan dengan mengangkat kepalanya, menempuh segala kesukaran tetapi tidak berundur diri, umpama daun buluh menghiju sepanjang tahun tidak berubah warnanya, berdiri tegak dan tidak bergoyang dalam ribut kencang (P14).

Semangat yang dipertunjukkan dalam karya Shen Qiang ditonjolkan menerusi pengisahan temanya. Semangatnya berhubung rapat dengan sikap jujur dan sifat terbuka serta sifat kemarahannya terhadap dunia. Mungkin inilah sebabnya beliau lebih suka bentuk sastera *Zawen* daripada bentuk-bentuk sastera lain (Wei Yun 1980: 24).

“Ren, gou ji qita” oleh Zhou Xin (P6) dan “Peng” 捧 (Mengangkat) oleh Fan Fu (P15), ditujukan kepada golongan yang suka mengangkat-angkat, dan golongan yang suka berpakat. Penulis mengejek dan menyindir golongan ini. Dengan tegasnya, penulis mengkritik mereka umpama anjing dan abdi. Oleh sebab terlalu marah, Zhou Xin dalam “Ren, gou ji qita” mengemukakan pendapatnya,

Manusia memang ialah manusia, rakyat adalah berdikari, mereka menyara kehidupan dengan titik peluh mereka sendiri dan menyuburkan tanah sendiri. Anjing memang ialah anjing, seumur hidup mereka bergantung kepada kuasa tuannya menganiaya orang lain dan merupakan abdi yang terhina! (P6).

Penulis bukan sahaja mengkritik orang yang suka mengambil kesempatan serta menganut kekuasaan dan kekayaan, beliau juga melakukan kritikan tajam terhadap penjajah Inggeris.

Isi-isi kandungan seperti ini ditujukan kepada masalah masyarakat ketika itu. Di bidang politik sudah muncul orang-orang yang cuba mengambil kesempatan. Dalam masyarakat pula muncul ramai manusia puaka. Penulis-penulis yang bersikap tulus dan baik hati akan menggambarkan keadaan ini dengan penya dengan tujuan membetulkan keadaan masyarakat ini serta menyucikan jiwa manusia.

5.3.3 Tian Ning dan Shu Ran

Hasil ciptaan prosa Tian Ning 田宁 dan Shu Ran 舒然 yang boleh didapati sekarang ialah “Zuguo de tudi - lutu huiyi” 祖国的土地 - 旅途回忆 (Tanah Air - Kenangan di Sepanjang Pelancongan) (P17) oleh Tian Ning dan “Larang jiang sanji” 拉让江散记 (Catatan Sungai Rejang) (P18) oleh Shu Ran. Kedua-dua prosa pelancongan ini bermula dengan menggambarkan segala yang dipandang dan didengar oleh penulis semasa melancong. Prosa pelancongan ini merupakan satu penggambaran yang bersifat pergerakan dan bersiri. Sememangnya, kedua-dua catatan pelancongan ini tidak berhenti setakat penggambaran pemandangan alam sahaja, penulisan itu juga menunjukkan pergerakan hati penulis semasa melancong.

Tian Ning dalam “Zuguo de tudi – lutu huiyi” menulis tentang kenangan penulis semasa dalam perjalanan melancong (P17). Latar belakang tempat telah menjalinkan pergerakan hati penulis dengan pemandangan, membentuk satu struktur penceritaan yang sempurna. Perasaan penulis halus dan bahasanya indah. Di pengakhiran prosa itu, penulis menulis,

Ramai penumpang membuka mata di tempat duduk masing-masing, bunyi motor ‘Rong ... Rong’ telah menghalau kesunyian di sungai, memecah jalan di air sungai besar itu, mengalir melaluinya... Oh! Sungai Igan. Malam ini, kami bermalam di dalam dukungmu sehingga keesokan hari, kami akan menyambut waktu subur tanah air kita di atas Sungai Rejang!” (P19).

Ini telah menceritakan suatu pengalaman pelancongan. Melalui prosa pelancongan ini, penulis merealisasikan perasaan mendalam terhadap tanah airnya.

“Larang jiang sanji” merupakan satu catatan pelancongan yang agak panjang. Catatan esei ini telah dibahagikan kepada sebelas bahagian dan disiarkan secara berturutan dalam suratkhobar. Penulis bertolak dari Kuching, berlabuh di Sarikei, Bintang dan akhirnya tiba di Sibu. Semasa di Sibu, rombongan penulis melawat ke sekolah-sekolah, lapangan terbang, dan kemudian ke hulu dan tiba di Kanowit, Song, Kapit dan kemudiannya pulang ke Sibu. Apa yang diperhatikan oleh penulis bukan sahaja tentang imej sesuatu tempat, malah corak kehidupan orang-orang tempatan serta keadaan pendidikan. Penulisan ini merupakan suatu penelitian masyarakat yang mendalam. Fikiran penulis bermula dari pemandangannya dan berubah kepada pengkajian fenomena kemanusiaan. Di Sekolah Rendah Yi Ting 沂亭小学, penulis nampak tulisan “Sekolah Guang Hua” 光华学校, “Mengubah Aliran Fikiran” 改造思潮 oleh Dr.Sun Yat Sen 孙中山. Ini telah menyebabkan penulis menimbulkan keluhan. Beliau menulis,

Tulisannya tabah, kuat dan semula jadi, menunjukkan semangat revolusinya yang tabah, semula jadi dan fikiran yang terbuka ...Saya terfikir keadaan ini samalah seperti keadaan pendidikan Cina kita, walaupun di bawah keadaan yang paling sukar dan paling sengsara itu, masih dapat menembusi pelbagai halangan dan terus berusaha untuk terus hidup dan berkembang (P20).

Ini adalah penghormatan penulis kepada pejuang-pejuang revolusi lepas, di samping kebimbangan yang tersimpan dalam hati penulis terhadap krisis kebudayaan dan pendidikan bangsa yang sedang dihadapi.

Menerusi kedua-dua catatan pelancongan ini, penulis telah menerangkan fenomena pemandangan dan perhubungannya dengan struktur kemanusiaan, iaitu lebih merupakan catatan pelancongan yang berbentuk kemanusiaan. Selain itu, kedua-dua catatan ini dimulakan dengan perubahan masa, dan mengikut perjalanan pelancongan sebagai garis petunjuk, satu persatu diperkenalkan pemandangan di sesuatu tempat. Dari sebuah pekan kecil sehingga ke sebuah pekan kecil yang lain, pertambahan masa dan perjalanan telah menjadi satu garis yang menuju ke depan. Mengikut garis itu, kita dapat merasai keunikan perasaan para pemuda ketika itu.

Pada awal tahun 50-an dan 60-an, ramai penulis yang suka mempelajari dan menulis prosa. Akan tetapi bilangan yang berupaya mencipta hasil berkualiti adalah kurang. Han Paian dan Shen Qiang merupakan dua orang penulis yang dapat mengatasi kelemahan ini. Bahasa yang digunakan oleh Han Paian indah, tujuannya juga terang. Prosa Shen Qiang pula menyampaikan satu keadaan yang sihat dan kuat. Hasil-hasil karya yang lain tidak banyak kelihatan. Oleh itu, adalah sukar untuk memberi apa-apa komen. Kita dapat melihat satu persamaan dalam karya ciptaan ini, iaitu penulis tidak banyak menulis tentang dirinya. Walaupun ada hasil-hasil karya yang menyatakan perasaan, tema utamanya adalah untuk menggambarkan kesusahan rakyat, proses pembelajaran dalam

masa pembesaran dan hasrat dalam perjuangan. Oleh itu, dapatlah kita lihat betapa luas dan mendalam sesuatu zaman dapat mempengaruhi kesusasteraan.

5.4 Penulis Skrip Drama

Perkembangan drama di Sarawak mempunyai hubungan rapat yang tidak dapat dipisahkan dengan lakonan drama di Semenanjung Malaya. Drama yang dilakonan di Sarawak biasanya berasal dari Singapura dan Malaya. Persembahan Rombongan Drama Cina, contohnya persembahan drama oleh ‘Rombongan Seni Penyanyian dan Penarian China’ pada tahun 1947 di Malaya dan Singapura, juga secara tidak langsung telah membawa pengaruh yang mendalam kepada perkembangan drama di Sarawak. Misalnya “Qingchun wuqu” 青春舞曲 (Tarian Remaja), “Machefu zhi lian” 马车夫之恋 (Percintaan Penarik Beca), “Tuozi huimen” 驼子回门 (Pembongkok Pulang ke Rumah), “Fengyu niuche shui ” 风雨牛车水 (Pahit Maung di Batu Tiga) dan drama-drama tarian dan nyanyian lain yang dipersembahkan oleh ‘Rombongan seni Penyanyian dan Penarian China’ telah menjadi program yang banyak dicontohi dan ditiru oleh pelajar-pelajar sekolah menengah pada tahun 50-an.

Walaupun perkembangan drama di Sarawak dipengaruhi oleh Semenanjung Malaya, tetapi jika dibandingkan dengan zaman kegemilangan (1937-1942) pergerakan drama di Semenanjung Malaya, maka ia sudah banyak tahun ketinggalan. Akan tetapi drama yang dipertunjukkan pada masa anti perang Jepun telah menjadi sumber

persembahan drama selepas tahun 50-an. Sejak mulanya anti perang Jepun, pertunjukan drama selalu dipengaruhi oleh tujuan politik. Pada masa anti-perang Jepun, drama digunakan sebagai alat untuk mendidik dan mengorganisasikan orang ramai. Secocok dengan keadaan anti-perang Jepun, drama yang kaya dengan kesedaran menyelamatkan negara dan bersesuaian dengan kehendak rakyat telah diadakan (Fang Xiu 1995: 211). Demikian juga, pertunjukan drama di Sarawak juga mempunyai tujuan utamanya. Pada awal tahun 50-an, ia diadakan terutamanya untuk menyebarkan fahaman patriotisme. Selepas tahun 1956, pengikut-pengikut yang cergas dalam pergerakan revolusi pula menggunakannya untuk mempropaganda fahaman anti-penjajahan.

Pertumbuhan aktiviti drama di Sarawak tidak seperti di Semenanjung Malaya yang mempunyai persatuan drama atau panggung drama untuk memperkembangkan pertunjukan drama. Pada tahun 1950, dalam aktiviti sambutan hubungan diplomatik antara China dan pihak penjajah, tarian penyemaian telah diadakan. Pada masa itu, 'Persatuan Kemajuan Belia' 青年协进会 telah mengadakan satu pertunjukan malam di Panggung Rex. Pertunjukan itu sengaja meniru gaya persembahan Rombongan Seni Penyanyian dan Penarian China (Ye Changqing 叶常青 1988: 262) menunjukkan bahawa aktiviti drama di Sarawak begitu kuat dipengaruhi oleh 'Rombongan Seni Penyanyian dan Penarian China', juga membayangkan perkembangan drama tempatan adalah sangat perlahan. 'Persatuan Kemajuan Belia' dan sekolah-sekolah menengah beraliran Bahasa Cina merupakan teras bagi perkembangan drama ketika itu. Selepas tahun 1960, aktiviti

persembahan drama berubah dan dipimpin oleh persatuan buruh dan 'Persatuan Lepas Sekolah Zhong Zhong' 中中校友会. Pertunjukan drama tidak lagi untuk hiburan semata-mata. Ia membawa fungsi pendidikan dan mempropaganda hasrat perjuangan.

Karya ciptaan yang dipersembahkan ketika itu kebanyakan adalah hasil dari Singapura dan Semenanjung Malaya, contohnya termasuk "Xinjiapo wuyan xia" 新加坡屋檐下 (Di Bawah Cucur Atap Singapura), "Kuangfeng baoyu" 狂风暴雨 (Hujan Lebat dan Ribut Kencang), "Xianggang xiaojie" 香港小姐 (Ratu Cantik Hong Kong), "Dapo jingzi de nuren" 打破镜子的女人 (Perempuan yang Memecahkan Cermin), "Pahit Maung di Batu Tiga", "Qiang" 墙 (Dinding), "Houtai chunqiu" 后台春秋 (Di Belakang Pentas) dan "Zai kunan zhong dansheng" 在苦难中诞生 (Lahir Pada Masa yang Sengsara) dan lain-lain. Ciptaan karya oleh penulis tempatan pula termasuk "Xuanya lema" 悬崖勒马 (Memberhentikan Kuda di Tebing Tinggi), "Jiang si fuhuo" 僵尸复活 (Mayat Hidup Kembali) oleh Zi Xun. "Lu" 路 (Jalan), "Huimie" 毁灭 (Kemusnahan) dan "Xiachang" 下场 (Kesudahan) oleh Wei Meng, "Zai ya bian" 在崖边 (Di Tepi Tebing Tinggi), dan "Yi ge yujia de mu" 一个渔家的暮 (Waktu Senjakala di Sebuah Keluarga Nelayan) oleh Fang Hu 方户. "Cunzhuang ernu" 村庄儿女 (Anak-anak Kampung) oleh Ru Bing 如冰. "Diyi po" 第一波 (Pusingan Pertama) oleh Gu Sheyuan 顾适远, dan "Guzi chengshu de shihou" 谷子成熟的时候 (Apabila Bijih Padi Menguning) oleh Tian Lin 田林 (Tian Nong 1995: 100).

5.4.1 Zi Xun

Watak utama dalam “Xuanya lema” oleh Zi Xun ialah Li Yuzhu. Li Yuzhu diperdaya oleh budaya kuning dan proses keinsafan diri terhadap kesalahannya menjadi teras bagi skrip drama ini. Tema utama ialah anti-budaya kuning, anti-lagu atau muzik yang tidak sihat dan menentang segala buku yang bermoral rendah. Tujuannya adalah untuk menggalakkan pemuda-pemuda berdamping dengan bahan-bahan bacaan yang lebih sihat, positif, dan mempelajari sikap dan pemikiran yang baik.

Watak dalam drama ini dibahagikan kepada dua pihak, satu daripadanya ialah golongan yang anti-budaya kuning yang diwakili oleh Li Siyuan 李思源, Zhao Chaiqing 赵才清, dan Sun Xuwen 孙学文, satu pihak lagi pula ialah golongan yang menjadi mangsa oleh pencabulan yang diwakili oleh Li Yuzhu 李玉珠 dan kawan-kawannya. Li Siyuan dan lain-lain cergas menentang budaya kuning dan cuba membina suasana kebudayaan yang sihat. Li Yuzhu dan lain-lain pula mengalami keruntuhan moral dan berlepak di kelab malam. Penulis menggunakan perbandingan antara kedua-dua pihak itu untuk menonjolkan perbezaan besar antara kecerahan dan kegelapan. Untuk mencapai tujuan menyedarkan masyarakat, tentulah kecerahan telah menerangi kegelapan di akhir drama itu. Kesudahan ini merupakan kesudahan drama pendidikan yang paling ideal.

5.4.2 Wei Meng

Selain menghasilkan cerpen, Wei Meng juga mencipta skrip drama dengan bahasa yang lancar. Skrip dramanya termuat dalam buku *Xiachang*. Karyanya “Lu” (D1) dan “Xiachang” (D2) sama-sama menjadikan cendekiawan sebagai watak utamanya. Masa depan karier dan moral mereka menjadi tumpuan penggambaran penulis.

“Lu” ialah contoh terbaik membayangkan bagaimana golongan pemuda mencari jalan hidup mereka. Golongan pemuda digalakkan supaya berdiri teguh dan tulus ikhlas menghadapi kehidupan yang romantik dan suci. Contohnya ialah Wang Shaojun 王少君, watak utama yang selepas tamat persekolahannya terus menganggur. Dia memandang hina kepada pekerjaan kasar. Oleh itu, dia tidak mahu menyertai pasukan kawan-kawan sedarjahnya. Akan tetapi, apabila didapati bahawa sikap kawan-kawannya begitu aktif, dia dapat faham akan rupa sebenar realiti itu. Keinsafannya timbul akibat pengaruh daripada kawan-kawan sedarjahnya serta kuasa dalaman sendiri yang ingin membawa perubahan kepada situasi yang terbelenggu. Akhirnya dia juga menyertai rancangan penerokaan tanah baru dengan kawan-kawannya.

Di dalam “Huanmie” (D3), penulis memberi komen terhadap cendekiawan-cendekiawan yang jahat. Misalnya Hong Haoxue 洪浩雪, seorang guru besar, merupakan watak yang langsung tidak bermoral. Dia menipu seorang gadis, kemudian meninggalkannya. Sifat-sifat buruknya seperti mencabul adalah perbuatan kotor yang

begitu jelas ditonjolkan. Apabila diketahui orang tentang perbuatannya, dia meminta maaf, menjerit dengan perasaan sedih, tetapi akhirnya menghilangkan diri. Drama ini juga mempunyai tujuan pendidikan, maka pada akhir pengisahannya, watak utamanya Zhu Mingfei telah menginsafi kesalahannya dan menjadi seorang pelajar yang ingin memajukan diri. Di samping itu, seorang lagi watak perempuan Chen Mali yang tertipu oleh Hong Haoxue pula mencuba kehidupan yang baru setelah membalas dendam terhadap Hong.

“Xiachang” pula membawa tema yang memberi komen terhadap Fu Tianyou 傅天有 yang curang kepada isterinya. Anggapan Fu Tianyou bahawa Li Lusi 李露丝 yang melahirkan anak untuknya akan mendirikan rumahtangga dengannya akhirnya tidak terjadi. Dia ditipu sehingga kehilangan segala-segalanya. Sama seperti cerpennya, skrip drama Wei Meng memaparkan tema dan gayanya yang jelas. Kritikan terhadap watak-watak negatif dilakukan dengan nada yang kuat.

Sebagai rumusan, ciptaan drama tempoh ini walaupun kurang, tetapi mengandungi beberapa ciri khas yang dapat disimpulkan seperti berikut:

- (i) Menentang budaya kuning. Tujuan ini hendaklah dicapai melalui watak-watak yang dilakonkan dalam drama. Contohnya ialah “Xuanya lema” oleh Zi Xun.
- (ii) Mengemukakan masalah tentang masa depan golongan muda, menggalakkan mereka supaya giat berusaha untuk memajukan kariernya. Contohnya ialah

“lu” oleh Wei Meng yang terutamanya mendidik orang ramai supaya memilih pekerjaan yang sesuai untuk membangunkan negara.

- (iii) Kebanyakan bahan dalam drama diambil daripada kampung-kampung petani. Oleh itu, usaha di kampung petani dipuja dan kesulitannya juga digambarkan. Contohnya ialah “Guzi chengshu de shihou” oleh Tian Lin dan “Yige yujia de mu” 一个渔家的幕 oleh Fang Hu.
- (iv) Kritikan dilakukan ke atas penjahat masyarakat. Contohnya ialah “Yabian” 崖边 yang begitu menunjukkan keadilan dan kebenaran masyarakat.